

Bil. 43

**Selasa
7 Oktober 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPANMULUTBAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Ruangan 12)

USUL:

Bencana Jerebu - Pelan Tindakan Mengatasi

(Ruangan 12)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui (Tawau)

- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
“	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

Yang Berhormat	Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
“	Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
“	Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
“	Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
“	Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
“	Tuan Radin Malleh (Tenom)
“	Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
“	Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
“	Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
“	Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
“	Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
“	Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
“	Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
“	Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
“	Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
“	Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
“	Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
“	Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
“	Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- Yang Berhormat Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala
Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Salamat
Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA
DEWANRAKYAT**

Selasa, 7 Oktober 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan
Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah.

[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah [Pasir Puteh] tidak hadir]

**MASYARAKAT GOLONGAN ISTIMEWA
DAN KURANG UPAYA - KEMUDAHAN
AWAM**

2. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang) minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan perancangan pihak kerajaan dalam menyediakan dan meningkatkan prasarana pelbagai kemudahan awam yang sesuai untuk masyarakat golongan istimewa dan kurang upaya, memandangkan hari ini terlalu sedikit kemudahan awam yang bersesuaian untuk golongan ini, termasuk dalam perkhidmatan pengangkutan awam, institusi pengajian tinggi, premis pekerjaan, kawasan perumahan awam dan sebagainya, kerana ini seakan menghalang mereka dari turut sama menikmati arus kemakmuran ekonomi negara serta turut sama menyumbang kepada kemakmuran tersebut.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat selaku Urusetia Jawatankuasa Pelaksanaan Kesejahteraan Orang Kurang Upaya dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memberi perhatian kepada penyediaan program-program kemudahan akses kepada orang kurang upaya bertujuan memberi kemudahan bergerak bagi menjalankan aktiviti harian.

Satu pencapaian yang telah dihasilkan ialah dengan merangka Kod Amalan Akses yang mana pindaan terhadap Undang-undang Kecil Bangunan

Seragam 1984 bagi pihak berkuasa tempatan telah dilaksanakan di mana setiap bangunan baru termasuk institusi pengajian tinggi, premis pekerjaan, gedung perniagaan dan sebagainya diwajibkan mempunyai akses kepada orang kurang upaya. Kemudahan-kemudahan ini termasuklah mengadakan ramps dan railing, ruang yang cukup untuk dilalui dengan kerusi beroda, tandas khas, lif khas dengan rekabentuk yang sesuai, tempat letak kereta dan sebagainya. Spesifikasi standard dan perkara yang terperinci adalah terkandung dalam Code of Practice for Access for Disabled People to Public Building.

Sebagai tambahan, satu lagi kod amalan bagi akses di luar bangunan telah disediakan oleh SIRIM, iaitu Malaysian Standard Code of Practice for Access for Disabled People Outside Building.

Adalah jelas bahawa usaha-usaha kerajaan dalam mengadakan undang-undang yang sesuai dan prihatin akan memungkinkan golongan istimewa dan kurang upaya dapat turut sama menikmati arus kemakmuran ekonomi negara serta turut sama menyumbang kepada kemakmuran tersebut.

**ALAT PEMADAM API (FIRE
EXTINGUISHER) KEPADA RUMAH
PANJANG DAN KAMPUNG DI SARAWAK -
PEMBEKALAN**

3. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membekalkan pemadam api (fire extinguisher) kepada rumah panjang dan kampung-kampung di seluruh negara terutamanya kepada rumah panjang dan kampung-kampung yang jauh di kawasan luar bandar Sarawak di mana tidak ada perkhidmatan bomba kerana seringkali kebakaran telah berlaku yang membawa banyak kerugian harta benda kepada rakyat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan buat masa ini tidak ada cadangan untuk membekalkan alat pemadam api (fire extinguisher) kepada rumah-rumah panjang dan kampung-kampung yang jauh di luar bandar, sebaliknya kerajaan ada melaksanakan program memberi latihan kepada bomba sukarela di kawasan-kawasan yang jauh dari balai-balai bomba. Pelaksanaan program ini menggalakkan komitmen dan penyertaan orang ramai sendiri untuk melindungi harta dan nyawa

sekiranya berlaku kebakaran. Namun demikian, wakil-wakil rakyat boleh menyumbangkan ataupun mendapatkan sumbangan alat-alat pemadam api kepada rumah-rumah panjang ini.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak alih soalan ini kepada rancangan rumah kos rendah. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk mewajibkan penghuni-penghuni rumah kos rendah yang kebanyakannya rumah berderet, kalau berlaku kebakaran, susah dikawal, untuk mewajibkan mereka memasang ataupun menyediakan alat pemadam api di rumah mereka. Dan adakah di rancangan perumahan kos rendah ini pihak kerajaan bercadang untuk mengadakan fire drill sebagai langkah awal untuk menyelamatkan diri daripada berlakunya kebakaran.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa adalah agak sukar untuk kerajaan mensyaratkan supaya penghuni-penghuni rumah murah mengadakan fire extinguisher, dengan izin, di rumah mereka sedangkan di rumah-rumah teres sendiri pun kita tidak mensyaratkan demikian. Bagaimanapun, kalau mereka ingin untuk mengadakan fire drill, ini amat digalakkan dan saya yakin pihak bomba akan dapat memberikan kerjasama untuk mengadakan fire drill ini.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Timbalan Menteri menasihatkan Yang Berhormat dari Selangau minta sumbangan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menasihatkan dari manakah Yang Berhormat boleh minta sumbangan? *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, wakil-wakil rakyat boleh memohon sumbangan ataupun boleh memohon kelulusan peruntukan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang ini pun boleh digunakan. Dan kalau ada misalnya rakan-rakan daripada pihak korporat yang berjiwa besar, yang sanggup untuk menderma, maka bolehlah dipohon derma daripada mereka. Tetapi daripada segi latihan untuk menggunakan alat-alat ini, pihak bomba bersedia untuk memberikan kerjasama bagi memberikan latihan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin.

[Soalan No.4 - Y.B. Tuan Henrynus Amin [Kinabalu] tidak hadir]

KEJATUHAN PASARAN SAHAM DAN MATA WANG - BANTUAN KEPADA PELABUR

5. Datuk Lim Si Cheng [Senai] minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah langkah kerajaan bagi membantu pelabur yang menghadapi masalah akibat kejatuhan mendadak harga saham pada bulan September 1997 ini berpunca daripada manipulasi berterusan dalam pasaran saham dan pasaran mata wang oleh orang asing; dan
- (b) apakah langkah-langkah jangka masa panjang telah dirangka untuk menghadapi masalah seumpama ini pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pelabur-pelabur asing terus menjauhkan diri daripada pasaran kerana bimbang terhadap ketidakstabilan mata wang ringgit dalam keadaan kecairan pasaran yang semakin tipis. Kerajaan memaklumi krisis yang melanda dan kesannya terhadap pelabur-pelabur tempatan. Justeru itu, beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang telah pun diatur bertujuan membantu serta mengurangkan beban pelabur-pelabur tempatan.

Di antara langkah-langkah jangka pendek yang telah dilaksanakan buat masa ini, termasuklah:

- (i) beberapa perjumpaan telah diadakan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan pengurus-pengurus dana asing dan pengurus-pengurus dana tempatan bagi menjelaskan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah kejatuhan ringgit dan juga kejatuhan harga saham;
- (ii) menggalakkan pengurus-pengurus dana tempatan membeli saham secara besar-besaran sebagai sokongan kepada pasaran tempatan dan menghalang kejatuhan seterusnya;
- (iii) Bank Negara Malaysia telah mengenakan had terhadap urus niaga swop dengan pelanggan asing dalam

komersial sebanyak US\$2 juta untuk membanteras aktiviti spekulasi ke atas mata wang ringgit; dan

- (iv) kerajaan telah mengumumkan pindaan kepada Akta Syarikat 1965 bagi membenarkan syarikat-syarikat tempatan melaksanakan belian balik saham syarikat.
- (b) Sebagai langkah jangka panjang, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan mengatasi masalah ekonomi khususnya langkah-langkah untuk mengurangkan defisit akaun semasa yang dianggap membimbangkan iaitu seperti berikut:-
 - (i) penanguhan pelaksanaan projek-projek mega;
 - (ii) mengkaji semula projek-projek penswastan yang baru bagi memastikan projek-projek tersebut benar-benar perlu bagi pertumbuhan jangka panjang dan tahap keperluan import yang rendah;
 - (iii) memotong perbelanjaan kerajaan;
 - (iv) anggota pentadbiran dan pegawai perkhidmatan awam perlu menggunakan kereta Proton Saga sebagai kenderaan rasmi mereka;
 - (v) pembelian besar-besaran oleh agensi kerajaan termasuk oleh angkatan tentera dikaji semula; dan
 - (vi) langkah-langkah lain akan diumumkan dalam Belanjawan 1998 pada minggu hadapan.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kedudukan sebenarnya terhadap jualan singkat yang berlaku dalam pasaran saham masa kini?

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada sebab-sebab jatuhnya harga saham dan juga mata wang ringgit adalah penjualan singkat yang dilakukan secara sewenang-wenangnya. Penjualan singkat ataupun short selling adalah satu aktiviti yang tidak dibenarkan di bawah Securities Industries Act 1983. Di bawah akta ini, Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission) mempunyai kuasa untuk mendakwa sesiapa yang melakukannya dan jikalau sabit kesalahan, ianya

akan dipenjara tidak lebih dari 10 tahun ataupun didenda tidak lebih daripada RM1 juta. Tetapi pada tahun lepas, Ahli Yang Berhormat sedia maklum yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun meluluskan pindaan di bawah seksyen 41C yang membenarkan Securities Commission membenarkan 50 kaunter di bawah regulated short selling, 50 stok yang dipilih untuk membolehkan sesiapa yang mempunyai borrowing and lending arrangement yang tertentu, tetapi akhir-akhir ini pihak KLSE telah meminta semua ahlinya supaya tidak melakukan apa-apa short selling walaupun wujud seksyen ini dan juga arahan Perdana Menteri supaya tidak dilakukan short selling kepada 100 resigned telah pun diadakan. Jadi, pada masa ini sesiapa yang menjalankan penjualan singkat (short selling) adalah tertakluk di bawah undang-undang yang saya sebut tadi, iaitu undang-undang di bawah Securities Industries Act.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya jumlah sebenarnya kerugian dialami oleh pelabur-pelabur tempatan, termasuk agensi-agensi kerajaan berikutan kejatuhan nilai ringgit dan saham setakat ini?

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya BSKL (KLSE) mengalami sebanyak 35% kerugian. Bagi kita pada masa ini adalah terlalu awal untuk membezakan kerugian di antara pelabur-pelabur tempatan dan pelabur-pelabur luar negara. Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita sekarang ini di dalam pasaran BSKL, ekuiti atau pemegangan di kalangan pelabur-pelabur asing ialah 12% ataupun di dalam nilai ringgitnya ialah RM70 bilion. Jadi kalau Yang Berhormat menggunakan angka-angka itu, kiralah sendiri banyak mana yang dirasakan secara theoretical oleh pihak tempatan dan pihak pelabur luar negeri.

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH (PPD) - MEWUJUDKAN

6. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah] minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa terdapat beberapa buah negeri kecil seperti Melaka, Perlis dan daerah-daerah di negeri-negeri lain masih belum diwujudkan secara rasmi Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), apakah masalah menyebabkan pejabat-pejabat ini tidak diadakan dan sejauh manakah keberkesanan peranan PPD yang telah diwujudkan berjaya dalam meningkatkan mutu pendidikan di daerah-daerah berkaitan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, rancangan untuk mewujudkan Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh negara telah pun dirancang oleh Kementerian Pendidikan dan sedang diteliti oleh jabatan-jabatan yang berkaitan. Pejabat Pendidikan Daerah memainkan peranan sebagai organisasi penyelaras maklumat dari Jabatan Pendidikan Negeri ke sekolah-sekolah di daerah berkenaan. Di samping itu, PPD berfungsi memastikan semua arahan daripada JPN dapat dilaksanakan di peringkat sekolah.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa Sepang masih lagi belum mempunyai PPDnya sendiri dan kami masih lagi berkongsi dengan daerah Kuala Langat dan tahap akademik kami di kawasan ini agak terkebelakang sekiranya dibandingkan dengan daerah-daerah lain, terutama sekali di negeri Selangor. Apakah perancangan kerajaan dalam usaha untuk mempercepatkan usaha pewujudan PPD di daerah Sepang seiring dengan pembangunan yang pesat berlaku sekarang.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, di seluruh Malaysia sekarang cuma ada 57 buah PPD dan kita telah pun mengemukakan untuk mewujudkan 31 buah lagi PPD, termasuklah di Sepang dan Jempol - Jempol pun belum ada. [Ketawa] Jadi, saya maklum dan insya-Allah, kita akan cuba ikhtiarkan untuk mendapatkan Pejabat Pendidikan Daerah ini. Saya maklum dan faham akan keperluan ini.

MAKANAN BERLABEL 'HALAL' - JAMINAN

7. Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bagaimana sesuatu barangan yang diimport yang telah meletakkan label 'Halal' bagi sesuatu jenama makanan ke negara ini, tetapi diragui mengenai perihalan kandungan ramuan makanan berkenaan, contohnya kes jenama mee, Mee Suah yang menjadi keraguan di kalangan masyarakat Islam di kawasan Beaufort khususnya, amnya seluruh negara yang ditemui baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kawalseliaan ke atas penggunaan perbahasaannya 'Halal' pada makanan termasuk makanan yang diimport dibuat melalui satu

perintah yang dinamakan Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaannya 'Halal') 1975 yang dibuat di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 dan dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Perintah tersebut memberi takrifan khusus kepada perbahasaannya 'Halal' apabila digunakan pada makanan, iaitu makanan tersebut:-

- (a) bukanlah dan juga tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang orang Islam dilarang memakannya atau yang tidak disembelih mengikut Hukum Syarak;
- (b) tidaklah mengandungi apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis mengikut Hukum Syarak;
- (c) tidaklah disediakan, diproses atau dikilang dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas dari apa-apa benda najis mengikut Hukum Syarak; dan
- (d) tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya itu bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan itu atau apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis mengikut Hukum Syarak.

Bagi maksud ini, perbahasaannya 'Halal' adalah meliputi perbahasaannya-perbahasaannya seperti "Ditanggung Halal", "Makanan Islam" atau perbahasaannya-perbahasaannya lain seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, perintah ini tidak melarang seseorang daripada menggunakan perbahasaannya 'Halal' pada makanan. Walau bagaimanapun, adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang menggunakan perbahasaannya 'Halal' pada makanan jika makanan tersebut sama ada dari segi perihalnya, kandungannya, penyediaannya, pemerosesannya atau penyimpanan tidak mematuhi takrifan 'Halal' seperti yang ditetapkan di bawah perintah tersebut.

Hukuman yang boleh dikenakan ke atas seseorang yang disabitkan dengan kesalahan berhubung penggunaan perbahasaannya 'Halal' ini adalah seperti berikut:-

- (i) bagi mana-mana orang, selain daripada suatu pertubuhan perbadanan, tetapi termasuk pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dari

suatu pertubuhan perbadanan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali kedua atau kali berikutnya, denda tidak lebih daripada RM200,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam tahun atau kedua-duanya sekali; dan

- (ii) bagi sebuah pertubuhan perbadanan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM250,000 dan, bagi kesalahan kali kedua dan kali berikutnya denda tidak melebihi RM500,000.

Perintah ini adalah dikuatkuasakan dengan tegas oleh Kementerian dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri-negeri. Selain daripada bertindak ke atas aduan-aduan, pegawai-pegawai Kementerian juga menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan bagi menentukan perintah berhubung dengan penggunaan perbahasaannya 'Halal' ini dipatuhi sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengimportan dan penjualan 'Mee Suah' yang menggunakan perbahasaannya 'Halal' padanya yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, pihak Kementerian dengan kerjasama pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah, Cawangan Beaufort telah pun mengambil tindakan sewajarnya. Contoh-contoh Mee Suah berkenaan telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa dan tindakan selanjutnya adalah bergantung kepada laporan jabatan tersebut.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya garis panduan yang diberi oleh Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen terlalu panjang dan boleh dipanggil 'ustaz' nampaknya hari ini. Garis panduan itu saya hendak minta penjelasan, adakah didapati kes-kes yang telah pun disalahguna dari segi perbahasaannya 'Halal' ini dan apakah tindakan yang telah diambil? Kalau mengikut garis panduan tadi nampaknya begitu berat sekali. Saya hendak minta supaya Yang Berhormat Datuk jelaskan apakah tindakan yang telah diambil terhadap salahguna perbahasaannya tanda 'Halal' ini?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada kes-kes yang melibatkan penyalahgunaan perbahasaannya 'Halal' berlaku dan Kementerian ini telah pun mengambil tindakan. Setakat tahun 1990 hingga

sekarang adalah sebanyak 35 kes telah diambil tindakan di bawah Perintah Perihal Dagangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nilai rampasan sebanyak RM15,890 dan denda yang dikutip adalah RM8,500.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasa Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan juga Bahagian Hal Ehwal Islam Negeri-negeri atau daerah sentiasa membuat pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan. Tindakan tegas pun telah diambil ke atas peniaga-peniaga yang melakukan kesalahan. Saya yakin dengan kerjasama dan bantuan dari semua pihak, insya-Allah, [Ketawa] masalah penyalahgunaan perbahasaannya 'Halal' tidak timbul lagi.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah tanda 'Halal' yang disahkan oleh badan-badan Islam luar negeri boleh diterimapakai pada barang-barang makanan import tanpa perlu tanda 'Halal' dari Pusat Islam. Jika tidak, mengapa?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jika saya tidak salah, jika tidak pasti atau dikatakan was-was, janganlah beli dan makan. Jabatan Agama selalu membuat ujian dan pemeriksaan kepada sebarang makanan tempatan atau diimport untuk memastikan makanan ini adalah halal.

TATACARA PENGENDALIAN DISIPLIN PELAJAR - TANGGUNGJAWAB KEPADA GURU BESAR/PENGETUA

8. Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani] minta Menteri Pendidikan menyatakan berdasarkan semakin bertambahnya kes-kes disiplin yang serius di kalangan pelajar sekolah, adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula "tatacara pengendalian disiplin pelajar" yang sedang diamalkan sekarang, yang hanya mengizinkan Guru Besar/Pengetua melaksanakan tanggungjawab menghukum, merotan atau bertindak terhadap pelajar yang melanggar peraturan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak berhasrat mengkaji semula 'Tatacara Pengendalian Disiplin Pelajar' yang sedang diamalkan sekarang. Tatacara Pengendalian Disiplin Pelajar yang sedia ada adalah memadai untuk menangani kes-kes disiplin pelajar.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam beberapa

insiden baru-baru ini tindakan disiplin guru terhadap murid, kita dapati terdapatnya campur tangan oleh pihak polis dan tindakan polis menyebabkan moral guru terjejas. Jadi apakah tindakan pihak kementerian bagi mengatasi perkara ini, lebih-lebih lagi menghalang campur tangan polis walaupun ada aduan daripada pihak ibu bapa.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita sudah buat, kita telah pun mengadakan satu pelan tindakan untuk membanteras gejala-gejala sosial di sekolah-sekolah. Pelan tindakan ini telah pun kita edarkan kepada seluruh sekolah dan kita mendapat kerjasama yang amat baik termasuk daripada pihak polis. Dengan pihak polis pun kita telah mengadakan rundingan dan rundingan itu, insya Allah, akan dimuktamadkan bila tiba masanya.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini terdapat beberapa kes yang mana ibu bapa telah memukul guru-guru di kawasan sekolah ataupun dalam bilik darjah sebab guru-guru yang berkenaan itu telah ambil tindakan disiplin terhadap anak mereka. Saya ingin tahu apakah perlindungan khasnya dari segi tindakan undang-undang, kementerian memberi atau memperuntukkan kepada guru-guru yang menjalankan tugasnya untuk memperbaiki disiplin di sekolah. Dalam kes-kes yang tersebut itu rupanya guru-guru langsung tidak mendapat apa-apa sokongan daripada kementerian. Jikalau mereka ingin mengambil tindakan undang-undang, mereka terpaksa buat demikian sendiri.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:

Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang, pada hemat kementerian setiap daripada rakyat kita dilindungi oleh undang-undang. Cuma dari segi tindakan-tindakan yang berlaku dalam kawasan sekolah, setiap kejadian itu diteliti dengan cermat sama ada ada atau tidak implikasi undang-undangnya. Kalau kita dapati ada kes-kes yang sah dan terang, nyata, jelas, maka kita tidak biarkan guru-guru kita malahan kita boleh beri apa juga perlindungan termasuk dari sudut undang-undangnya. Ada kes-kes, saya maklum, yang telah berlaku tetapi apabila sampai kepada peringkat untuk menentukan kesahihan dari sudut undang-undang, ini yang menimbulkan banyak tanda tanya. Tetapi keseluruhannya, saya hendak menegaskan bahawa guru-guru kita yang betul-betul perlukan kepada perlindungan daripada pihak kementerian, kita beri, kita tidak biarkan guru-guru kita.

PROJEK KORIDOR RAYA MULTIMEDIA (MSC)-PELAKSANAAN AKIBAT PENURUNAN EKONOMI

9. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bagaimana projek-projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dapat dijayakan dalam keadaan keributan ekonomi. Apakah semangat dan keazaman yang diperlukan oleh rakyat Malaysia untuk menjayakan MSC.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, saya perlu tegaskan bahawa projek Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah projek nasional yang penting dan mendesak. Projek ini akan terus dijayakan walau apa pun keadaan ekonomi negara.

Keadaan ekonomi negara, terutamanya penurunan nilai Ringgit Malaysia, tidak akan menghalang kemajuan projek MSC kerana projek ini adalah projek yang didorongi oleh sektor swasta (market driven). Memandangkan projek MSC adalah projek printis global, sebahagian besar daripada RM1.83 bilion yang dijangka akan dilaburkan oleh 54 syarikat yang telah dianugerahkan status MSC akan dilaburkan oleh syarikat asing. Penurunan nilai ringgit Malaysia tidak akan menjadi penghalang, sebaliknya ia boleh menjadi penarik kepada syarikat asing untuk melabur di Malaysia, terutamanya di MSC. Ini disebabkan kos pelaburan syarikat-syarikat asing di Malaysia akan menjadi lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan sekali lagi bahawa kejayaan MSC adalah kejayaan negara dan rakyat Malaysia. Kita mempunyai objektif penting dan utama supaya MSC merupakan teraju untuk mengubah asas pertumbuhan ekonomi Malaysia daripada sebuah ekonomi yang didorongi oleh modal dan pelaburan (input driven) kepada satu yang didorongi oleh daya pengeluaran (productivity driven) dan peralihan tersebut memerlukan satu jangka waktu yang panjang dan dirancang dengan tersusun.

Untuk menjayakan MSC, rakyat Malaysia perlu secara kolektif mempunyai wawasan dan komitmen yang unggul lagi teguh untuk memastikan kejayaannya sebagai satu projek nasional. Kegigihan juga diperlukan bagi kita memastikan projek tersebut melayarkan kita kepada abad 21, satu abad yang mana pertumbuhan ekonomi adalah berdasarkan hightech dan idea. Komitmen ini akan menyumbang untuk terus menggerakkan usaha dan momentum pelaksanaan projek-projek MSC.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya jawapan adalah mengandungi ciri-ciri yang ideal, yang diidam-idamkan. Sebagai seorang ahli Parlimen, saya memang menyokong, kita hendak menjayakan MSC, tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan setakat ini, secara kasar, jumlah syarikat-syarikat swasta yang mengambil bahagian di dalam projek ini dan jumlah modal yang dilaburkan oleh mereka. Adakah Yang Berhormat akan mempertimbangkan kegiatan-kegiatan untuk menjayakan, misalnya kalau kita ada mesyuarat ASEAN, AIPO, lebih kurang ada 300 peserta.....

Seorang Ahli: Soalan? Meleret sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu sekejaplah, sabar sedikit dengan jerebu ini, kita terjerebu, saya tahu, di dalam Dewan pun terjerebu juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan apa yang hendak ditanyakan?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak tanya mengenai konferensi, misalnya Perhimpunan AIPO yang jumlah para pesertanya lebih kurang 300 ataupun 350 orang. Dengan mereka hadir ke Kuala Lumpur, bagaimana pihak kementerian dapat menjayakan MSC dengan menunjukkan kebolehan kita dan kemudahan-kemudahan MSC kita kepada peserta-peserta ini. Ini memang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita hendak menunjukkan keupayaan kita dan produktiviti kita.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat tidak mengikuti jawapan saya sebentar tadi. Saya telah pun menjawab, setakat ini sebanyak 54 syarikat telah pun dianugerahkan status MSC dan dijangka RM1.83 bilion akan dilaburkan dalam lima tahun yang akan datang. Setakat ini 141 permohonan telah pun diterima dan 54 telah diluluskan.

Setakat ini saya dengan sukacitanya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sungguhpun negara telah menghadapi sedikit masalah dalam bidang ekonomi, tetapi setakat ini tidak ada satu syarikat pun yang telah dianugerahkan status MSC ini ada rancangan untuk menarik diri dari menyertai rancangan MSC.

Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat untuk menunjukkan kebolehan kita dalam konferensi ataupun persidangan seperti AIPO ini, untuk maklumat Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan kita tidak menunggu mereka datang ke Malaysia baru kita menunjukkan. Kita

memberikan taklimat ke seluruh dunia untuk menunjukkan kebolehan kita, komitmen kita untuk menjayakan MSC.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi MSC merupakan satu projek yang boleh menarik pelabur-pelabur asing khususnya dari negara Amerika Syarikat dan Jepun oleh kerana nilai mata wang yang berbeza itu. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek MSC supaya matlamat ini boleh dicapai dan apakah langkah yang boleh diambil?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengikut jadual yang telah pun dirancang.

PENDATANG HARAM DIHANTAR PULANG KE NEGARA ASAL - JUMLAH

10. Dato' Salamon bin Selamat [Shah Alam] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah pendatang-pendatang haram yang telah dihantar pulang ke negara-negara asal mereka sejak dua tahun yang lalu mengikut negara masing-masing sejak gerakan besar-besaran dijalankan oleh kerajaan terhadap mereka. Apakah kesan tindakan tersebut ke atas industri-industri yang dahulu bergantung kepada tenaga pekerja luar dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendatang tanpa izin yang telah dihantar pulang ke negara asal mereka sejak dua tahun yang lalu adalah seperti berikut:

NEGARA	1995	1996	1997 (hingga September)	JUMLAH
Indonesia	22,856	7,491	18,757	69,104
Bangladesh	5,916	2,340	1,503	9,759
Thailand	1,050	1,140	214	2,404
Myanmar	3,883	2,731	326	6,940
Filipina	174	83	51	308
India	548	672	251	1,471
Pakistan	425	725	151	1,301
Republik Rakyat China	114	43	72	229
Lain-lain	462	412	155	1,029
Jumlah	35,428	35,637	21,480	92,545

Walau bagaimanapun, tindakan penghantaran pulang ini tidak menjejaskan industri-industri di negara ini yang bergantung kepada tenaga pekerja

luar kerana kedatangan pendatang tanpa izin ini tidak atas permintaan industri-industri yang berkenaan sebaliknya kedatangan mereka adalah secara tidak sah. Bagi industri-industri yang bergantung kepada pekerja asing, pekerja-pekerja asing memang ada bekerja dengan syarikat-syarikat ini secara sah. Bagi langkah jangka panjang, kerajaan menggalakkan industri-industri ini menggunakan automasi.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tindakan bersama yang bertujuan untuk mencerooh dan merobohkan tempat-tempat kediaman haram pendatang asing yang bernama Ops Nyah, adakah operasi ini masih berterusan? Jika ya, apakah jabatan-jabatan kerajaan yang bekerjasama dalam operasi ini.

Saya ingin merujuk kepada satu aduan yang saya pernah merujuk kepada Polis Diraja Cheras di mana terdapat satu perkampungan pendatang asing yang haram ditubuhkan di satu kawasan perumahan iaitu Taman Bahagia, Cheras. Aduan telah saya rujuk kepada pihak polis lebih kurang tiga bulan yang lalu tetapi nampaknya tindakan belum diadakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila tanya berkenaan dengan apa yang hendak ditanya - tindakan yang diambil ya?

Tuan Tan Kok Wai: Ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri ditarik perhatian mengenai perkara ini, sama ada jawapan dapat diberikan kepada saya, kalau bukan di sini, secara bertulis nanti. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sudah jawab soalan yang sepatutnya saya jawab, iaitu saya minta soalan secara bertulis. Bagaimanapun, berkenaan dengan kerjasama, kita perlukan kerjasama di antara pihak polis, pihak imigresen dan juga pihak kerajaan tempatan yang berkenaan apabila kita mengambil tindakan ke atas pendatang-pendatang ini.

Dato' Salamon bin Selamat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah perbelanjaan kerajaan yang telah dibuat untuk menghantar balik pendatang-pendatang haram tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak minta notiskah soalan itu?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Ada jawapan ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendatang tanpa izin daripada Indonesia yang dihantar balik ialah 69,104 dan setiap orang belanjanya RM208; RM104 ditanggung oleh kerajaan Indonesia dan bakinya RM104 lagi ditanggung oleh kerajaan Malaysia.

Bagi menghantar pulang pendatang tanpa izin dari Bangladesh, jumlahnya 9,759 orang, setiap orang kosnya RM1,300. Bagi yang lain-lain, Thailand.....

Tuan Yang di-Pertua: Malaysia belanja semua yang RM1,300 itu. [Ketawa]

HARTANAH DAN SAHAM SYARIKAT - IMBANGI PEMILIKAN

11. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah program dan perancangan yang diambil oleh kerajaan untuk menimbangkan penyusunan atau mengulang kaji semula masyarakat merangkumi usaha ke arah mengimbangi pemilikan hartanah dan saham dalam syarikat dengan mengambil kira pecahan pemilik-pemilik mengikut kaum di negara ini; dan
- (b) mengikut perangkaan melalui kajian statistiknya dari segi penyusunan semula masyarakat Malaysia apakah "Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua" negara yang meliputi tahun pelaksanaan 1991-2000 telah memaparkan agihan pendapatan purata bulanan isi rumah penduduk Malaysia mengikut kaum dan adakah setakat ini matlamat pemilikan 30% bumiputera tercapai.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1991-2000, pembangunan negara dipandu oleh Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang memberi penekanan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan pada amnya, pembangunan seimbang, bagi mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu dan adil. DPN digubal dengan mengambil kira pengalaman dan kejayaan Dasar Ekonomi Baru dalam tempoh 1970-1990 dan ia meneruskan usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Usaha menyusun semula masyarakat di bawah DPN merangkumi tiga komponen utama iaitu penyusunan semula gunatenaga, penyusunan semula hak milik dan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Indikator terpenting bagi penyusunan semula hak milik yang digunapakai sehingga kini ialah pemilikan modal saham syarikat berhad. Walau bagaimanapun, kerajaan sedar bahawa usaha mengesan kemajuan pengurangan ketidakseimbangan hak milik tidak seharusnya tertumpu kepada pemilikan saham sektor syarikat sahaja dan indikator-indikator lain seperti pemilikan hartanah juga perlu diambil kira. Lantaran itu, kerajaan kini sedang mengambil tindakan awal untuk mengukuhkan lagi proses dan tahap pengumpulan data pemilikan hartanah mengikut kumpulan etnik.

Pendapatan isi rumah purata bagi semua kumpulan etnik telah meningkat dalam tempoh lima tahun pertama RRJP2. Peningkatan pendapatan ini boleh dilihat seperti berikut:-

	1990	1995
	[RM sebulan]	
Bumiputera	940	1,600
Cina	1,631	2,895
India	1,209	2,153
Kaum-kaum lain	955	1,274
Jumlah	1,167	2,007

Begitu juga dengan pencapaian penyusunan semula hak milik saham di mana bumiputera kini memiliki 20.6% daripada jumlah ekuiti korporat pada tahun 1995. Walaupun pencapaian ini masih kurang daripada matlamat 30% yang telah ditetapkan di bawah RRJP1, tetapi peningkatan hak milik modal saham bumiputera adalah besar, iaitu RM37 bilion pada tahun 1995 berbanding dengan hanya RM126 juta pada tahun 1970 dan RM21 bilion pada tahun 1990. Jumlah ekuiti bumiputera dalam sektor korporat pada tahun 1995 sepatutnya lebih tinggi sekiranya bumiputera terus memegang ekuiti yang telah diperuntukkan oleh kerajaan kepada mereka.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya peningkatan peratus pegangan ekuiti bumiputera ialah hasil daripada pegangan oleh agensi-agensi amanah bumiputera yang memegang saham berkenaan bagi pihak bumiputera lain. Yang saya ingin tahu, sejauh mana peningkatan individu bumiputera dalam mencapai 30% seperti yang dimatlamatkan oleh Dasar Ekonomi Baru. Kalau peningkatan 30% itu walaupun jumlahnya meningkat, tetapi kalau ianya

dipegang oleh agensi amanah tadi, ianya tidak menggambarkan penglibatan bumiputera secara keseluruhan. Jadi, apakah rancangan jangka panjang yang disusun oleh kerajaan untuk memperbanyakkan individu bumiputera supaya dapat mencapai matlamat tersebut.

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa peratusan pegangan agensi amanah yang memegang bagi pihak bumiputera itu menunjukkan peningkatan jumlah pegangan dan ekonomi bumiputera keseluruhannya. Dalam jangka panjang, memang kerajaan berusaha untuk menyusun semula, mengimbangi pemilikan harta tanah, saham dalam sektor syarikat, ini termasuklah kita menggunakan kuasa undang-undang, iaitu peruntukan kita, di mana sesuatu pengambilan alih (take over), suatu acquisition baru dalam syarikat-syarikat berhad ini semestinya perlu diluluskan oleh pihak Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) seperti amalan yang sedang dilakukan untuk menentukan bahawa pegangan 30% itu akan dapat dicapai melalui syarat-syarat yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Insya-Allah, saya sebutkan tadi bahawa memang kerajaan berusaha untuk meningkatkan kumpulan individu secara kasarnya, seperti yang saya sebutkan tadi, peningkatan bumiputera walaupun tidaklah begitu tinggi tetapi bagi ekuiti, pegangan itu tetap tinggi. Insya-Allah, kita akan terus meningkatkan usaha ini, di samping kerjasama kita dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dalam usaha hendak meningkatkan jumlah bumiputera yang benar-benar kita akan latih menjadi bumiputera yang maju ataupun masyarakat bumiputera sederhana atau pertengahan di mana pendapatan purata mereka ialah RM10,000 sebulan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang baru untuk menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang untuk menggantikan kuota berdasarkan kaum kepada kuota berdasarkan keperluan supaya kita dapat memastikan pengagihan pendapatan yang lebih munasabah dan adil. Kerana saya rasa apakah logiknya kalau untuk seorang jutawan Melayu atau bumiputera diberikan peruntukan saham sedangkan yang bukan Melayu, yang miskin, tidak diberikan peruntukan. Bukankah cara ini adalah lebih adil kalau ia berdasarkan kepada keperluan tanpa kira kaum supaya semua orang miskin dapat menikmati kekayaan daripada pembangunan ekonomi negara, bukan orang kaya sahaja tanpa kira mereka Melayu atau bukan Melayu.

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak menyatakan bahawa buat masa ini kita masih lagi akan mengekalkan kuota mengikut kaum ini kalau sekiranya Yang Berhormat dari Kota Melaka merasakan tidak puas hati tentang kemiskinan orang Cina. Saya boleh mengatakan bahawa saya juga tidak puas hati tentang kemiskinan orang Melayu yang jauh lebih besar, lebih lebar hendak dibandingkan dengan orang Cina. Jumlah korporat Melayu dibandingkan jumlah korporat Cina jauh beza perbandingannya. Jutawan Melayu kalau dibandingkan, memang saya rasakan bahawa kami wakil rakyat Barisan Nasional dalam UMNO merasakan masih lagi tidak berpuas hati dalam soal ini. Oleh sebab itu, kita menyatakan bahawa kuota kaum ini buat sementara kita kekalkan untuk mengimbangkan. Bukan kita hendak mengambil kekayaan daripada orang Cina hendak beri kepada orang Melayu, tetapi hendak menggalakkan orang Melayu untuk mencapai cita-cita 30% pencapaian dalam Dasar Pembangunan Nasional.

PELAJAR ORANG ASLI - PERATUS KECICIRAN

12. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu] minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) apakah peratusan keciciran yang berlaku di kalangan pelajar Orang Asli di semua peringkat; dan
- (b) apakah strategi baru yang digunakan bagi mengatasi masalah keciciran ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk:

- (a) Kadar keciciran di kalangan pelajar Orang Asli di peringkat sekolah rendah pada tahun 1996 ialah 41% manakala di peringkat menengah sebanyak 35%.
- (b) Untuk mengatasi masalah keciciran di kalangan pelajar Orang Asli, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah. Antaranya:
 - (i) membaikpulih dan menaiktaraf bangunan sekolah dan asrama;
 - (ii) membina asrama-asrama pusat; dan
 - (iii) menaiktaraf sekolah-sekolah rendah yang dahulunya setakat Tahap 1 sahaja.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kementerian mempunyai strategi-strategi lain iaitu

yang tertentu bagi golongan Orang Asli memandangkan mereka ini jauh ketinggalan dari segi bidang pendidikan dan pendidikan adalah kunci kejayaan dalam semua bidang.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah yang saya gariskan tadi, memang ada program-program lain yang kita uruskan. Pertama sekali ialah untuk menyediakan satu tenaga perguruan yang cukup terlatih di kalangan sekolah-sekolah Orang Asli kerana selama ini, ini merupakan satu masalah besar yang dihadapi. Kita juga mendorong, merangsang masyarakat Orang Asli supaya memberi persetujuan kepada Kementerian Pendidikan, kalau boleh hendak diuruskan pendidikan anak-anak mereka ini secara satu-satu tempat yang dapat kita sediakan seberapa banyak kemudahan yang mungkin, baik dari segi kemudahan asas, perguruannya, peralatannya dan lain-lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan iaitu tenaga perguruan akan dipertingkatkan. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan sekolah-sekolah berasrama khasnya untuk Orang-orang Asli ini, terutamanya kita pilih kawasan-kawasan yang sesuai untuk mereka supaya mereka boleh bersama-sama dengan murid yang lain dapat mengelakkan keciciran yang disebutkan tadi.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dalam urusan pengambilan alih sekolah-sekolah Orang Asli tidak lama dahulu, antara yang diserahkan kepada Kementerian Pendidikan ialah 27 buah asrama yang diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Memang kita berhasrat untuk berbuat seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, cuma di kawasan Kepong, saya tidak nampak ada Orang Asli. Itu sahaja. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Dia kata tidak nampak. Di kawasan itu ada Bukit Lanjan. *[Ketawa]*

DANA PEMULIHAN EKONOMI - STATUS KEUTAMAAN

13. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah status keutamaan sumbangan Malaysia AS\$1 bilion kepada dana pemulihan ekonomi Thailand berbanding tanggungjawab pengukuhan ekonomi negeri-negeri dan Malaysia keseluruhannya dan apakah hasil kejayaan positif yang dicapai melalui sumbangan kepada dana tersebut.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dana yang dikumpul bagi membantu pemulihan ekonomi Thailand berjumlah AS\$17.2 bilion. Sumbangan kepada dana ini datangnya daripada negara-negara Asia, Australia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia. Dengan adanya dana ini, pemulihan ekonomi Thailand akan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat.

Masalah yang dihadapi oleh ekonomi Malaysia sekarang khususnya dari segi pasaran tukaran asing dan pasaran saham adalah berikutan daripada krisis kewangan yang melanda Thailand pada bulan Julai lalu. Beberapa negara ASEAN lain juga dianggap sebagai menghadapi masalah ekonomi yang sama seperti Thailand dan dengan itu, krisis berkenaan telah melarat ke negara-negara jiran. Oleh itu, sumbangan Malaysia sebanyak AS\$1 bilion kepada Thailand adalah untuk kebaikan Malaysia juga kerana apabila isu-isu ekonomi Thailand dapat diatasi, Malaysia akan turut mendapat manfaatnya.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang tegas bagi menangani krisis kewangan yang berlaku sekarang.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita faham pada ketika itu hasrat Kerajaan Malaysia untuk membantu negara jiran yang menghadapi masalah ekonomi, tetapi pada saat ini di mana negara kita sendiri menghadapi masalah kewangan yang begitu mendadak, adakah Kerajaan Malaysia bersedia untuk meminta bantuan serupa daripada negara-negara jiran? Kalau ada, bilakah rancangan itu akan dibuat?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bantuan yang disebutkan sebanyak US\$1 bilion ini bukanlah pemberian geran. Ianya adalah di dalam bentuk pinjaman yang diberi pinjam yang akan dibayar balik satu hari nanti oleh pihak Thailand. Ianya merupakan pinjaman. Dari segi negara kita, kita tidak mempunyai keperluan untuk meminta bantuan negara lain seperti mana yang Thailand meminta pada masa ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, kita negara-negara ASEAN kadang-kadang sepakat untuk menghadapi masalah, dan kita sebagai jiran menolong di antara satu sama lain. Jadi, dalam kita menghadapi kemelut kemerosotan ataupun mainan kotor wang kita ini, adakah pihak negara-negara ASEAN bersidang dan berfikir mencari jalan bagaimanakah kita dapat bersatu menghadapi masalah tekanan ini. Kalau telah

bersidang, apakah hasil daripada kemuafakatan ini? Mungkin persidangan di antara menteri-menteri kewangan ASEAN dan sebagainya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, persidangan di antara menteri-menteri kewangan ASEAN berlaku beberapa kali di dalam masa krisis ini. Satu daripadanya ialah di Hong Kong yang mana menteri-menteri kewangan ASEAN yang lain telah memberi sokongan kepada cadangan Malaysia, iaitu cadangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim supaya IMF melakukan dua perkara, iaitu satu, mewujudkan satu regulation mengenai dengan Haze Fund, dan yang kedua supaya IMF memastikan bahawa currency trading ataupun perdagangan mata wang ini dilakukan secara telus. Ini adalah satu cadangan yang radikal yang dibuat oleh Malaysia dan disokong oleh semua menteri kewangan ASEAN, malah lain-lain menteri kewangan di bawah IMF. Jadi, cadangan yang dibuat oleh Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan disokong oleh menteri-menteri kewangan yang lain itu telah pun diberi response yang positif seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat semalam bahawa IMF telah pun memberi response bahawa mereka akan mengkaji dan kalau boleh dilaksanakan apa yang dicadangkan oleh Malaysia iaitu mewujudkan satu perundangan ataupun regulation di dalam Haze Fund yang banyak ini dan juga memastikan bahawa currency trading itu dibuat secara telus.

RASUAH - KESAN DARI KEMPEN MEMBANTERAS

14. **Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]** minta Perdana Menteri menyatakan hasil kempen perang segenap penjurong membanteras rasuah yang dilancarkan oleh Badan Pencegah Rasuah sejak Mei, 1997, sila nyatakan sebab mengapa kempen ini nampaknya hanya 'guruh tanpa hujan', dan sila senaraikan 'jerung-jerung' yang telah ditangkap atau didakwa di mahkamah hasil amalan rasuah mereka selain dari ikan-ikan bilis yang terkena.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, keazaman kerajaan membanteras rasuah yang ditunjukkan seperti Akta Pencegah Rasuah 1997 dibentangkan di Parlimen baru-baru ini tidak seharusnya diukur dengan tangkapan jerung-jerung sahaja. Yang paling penting sekali adalah wujudnya kesedaran dari semua pihak tentang betapa bahayanya amalan tersebut dan kesediaan masyarakat untuk bersama-sama mencegahnya. Peningkatan kesedaran masyarakat terhadap gejala

ini telah mengakibatkan pertambahan yang ketara dalam jumlah maklumat yang diterima oleh BPR iaitu dari 5,796 yang diterima dalam tempoh lapan bulan pertama 1996 meningkat kepada 7,175 dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini.

Dari segi pendakwaan terhadap anggota pentadbiran dan pegawai-pegawai kanan kerajaan, kumpulan pengurusan dan profesional ke atas, ianya telah meningkat dari satu kes dalam tempoh empat bulan pertama dari Januari hingga April kepada 10 orang bagi tempoh empat bulan kedua tahun ini, iaitu pada Mei hingga bulan Ogos.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini kedudukan siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap enam orang menteri, dua orang timbalan menteri, seorang setiausaha Parlimen dan lapan orang Exco yang ada diumumkan di dalam siasatan ACA atau adakah semua siasatan dibekukan?

Dato' Othman bin Abdul: Siasatan masih diteruskan. Kita tidak boleh menjelaskan sehingga seseorang itu dituduh di mahkamah. Apabila telah dituduh di mahkamah, maka saya boleh bagi pihak kerajaan menjelaskan senarai nama mereka yang telah didakwa di mahkamah.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sejauh manakah perkembangan siasatan terhadap Tan Sri Eric Chia dalam kes Perwaja?

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, masih belum selesai. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 33 dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pendidikan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1997) (NO.2) 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

BENCANA JEREBU - PELAN TINDAKAN MENGATASI

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan masalah dicadangkan:-

“BAHAWA, Dewan ini memandang berat akan masalah jerebu merentas sempadan yang melanda rantau ini pada masa ini, khususnya betapa serius impaknya ke atas negara dari segi alam sekitar, ekonomi, sosial dan kesihatan rakyat serta ancaman dan gangguan kepada pengangkutan udara dan laut;

MENGAMBIL MAKLUM akan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa untuk menangani masalah ini dan kerjasama yang telah diberikan kepada Indonesia;

MELAHIRKAN penghargaan terhadap tindakbalas yang telah ditunjukkan oleh masyarakat antarabangsa dan organisasi-organisasi pelbagai hala untuk membantu negara-negara di rantau ini yang dilanda bencana alam sekitar yang di luar jangkaan ini.

DENGAN INI mengambil ketetapan seperti berikut:

MENYOKONG inisiatif yang diambil oleh Indonesia untuk melaksanakan langkah-langkah baikpuluh yang lebih berkesan di negaranya untuk memadam kebakaran hutan dan tanah serta mewujudkan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mencegah berulangnya perkara ini di masa-masa akan datang;

MENYOKONG usaha kerajaan untuk meneruskan apa juga kerjasama yang dapat diberikan kepada Indonesia untuk membantu negara tersebut menangani masalah jerebu masa ini;

MENYOKONG inisiatif kerajaan supaya membawa perkara ini ke peringkat tertinggi kerajaan negara-negara ahli ASEAN untuk segera mengadakan tindakan bersama supaya satu pelan tindakan dan kerjasama dapat dilaksanakan;

MENYOKONG masyarakat antarabangsa dan organisasi pelbagaihal untuk bertindakbalas dengan lebih positif dalam membantu menangani bencana alam ini;

MENGINGATI rakyat supaya berwaspada dan sentiasa mengikut panduan yang diberikan oleh kerajaan dalam menghadapi masalah jerebu ini dan mengelakkan daripada menceburi aktiviti-aktiviti seperti pembakaran terbuka yang boleh mencemarkan alam sekitar." [6 Oktober, 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandau sila sambung.

3.37 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soal pentingnya masalah jerebu dan usaha untuk menanganinya adalah jelas. Seperti mana telah pun disentuh di Dewan yang mulia ini banyak nyawa telah terkorban disebabkan kemalangan seperti pesawat Garuda di Medan, kemalangan jalan raya di negara kita dan kemalangan kapal laut, khususnya kapal-kapal nelayan di lautan dan juga tidak terkira kapal-kapal nelayan yang dikatakan sesat.

Kerugian kepada ekonomi negara, Tuan Yang di-Pertua, adalah dalam kadar berbilion-bilion ringgit. Sarawak sahaja dijangka RM1 bilion disebabkan pengisytiharan darurat di negeri tersebut. Pada masa yang sama jutaan wang negara digunakan untuk menghantar kakitangan Bomba dan lain-lain pegawai ke negara Indonesia untuk membantu memadam api di hutan rimba. Jadual penerbangan pesawat negara seperti MAS terganggu dan banyak pelancong yang membatalkan lawatan mereka ke negara kita

disebabkan oleh keadaan masalah jerebu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kesihatan rakyat Malaysia terjejas akibat dari segi penyakit yang kita tidak dapat sebenarnya mengenal pasti sekarang, tetapi hanya di masa depan. Dikatakan bahawa, dengan izin, exposure kepada alam dengan indeks API 600 adalah sama dengan merokok 50-60 batang rokok sehari. Jadi, ini bukan alang-alang. Kalau orang Murut bilang main langut, Tuan Yang di-Pertua, ertinya ini bukan alang-alang, ini satu perkara yang cukup serius.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini menandakan bahawa akibat masalah jerebu adalah serius dan far reaching, dengan izin, yang membuktikan, dengan izin, clean air is no longer free, iaitu udara yang bersih tidak lagi percuma dari segi kos. Perkara ini hendaklah ditekankan kepada semua pihak, kepada masyarakat umum khasnya supaya bertindak bersama dengan pihak kerajaan untuk memelihara alam sekitar kita.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi punca masalah jerebu, ini telah diketahui umum iaitu ia disebabkan oleh pembakaran hutan oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam pembangunan tanah pertanian di Indonesia. Selain daripada itu juga, ia berpunca daripada kebakaran semulajadi di hutan-hutan rimba di negara Indonesia juga yang dikatakan hampir 800,000 hektar pada saat ini. Punca ketiga, ialah kebakaran hutan yang dilakukan oleh masyarakat desa di negara tersebut yang dikatakan disengajakan kerana sebahagian mereka menentang pembangunan tanah yang dijalankan oleh syarikat-syarikat yang gergasi di negara tersebut.

Punca keempat pula ialah kebakaran yang dilakukan oleh petani-petani termasuk di negara kita yang mengusahakan tanah secara pindah-randah, iaitu di bukit-bukit, khususnya di negeri Sabah dan Sarawak walaupun sebenarnya sumbangan mereka kepada keadaan jerebu di sekitar adalah amat kecil sekali.

Tuan Yang di-Pertua, punca-punca ini cukup jelas membuktikan bahawa secara menyeluruh masalah jerebu adalah disebabkan oleh manusia, khasnya ketamakannya, penyelewengan dan tindakan yang tidak bertanggungjawab. Adalah tidak wajar bagi mana-mana pihak mengatakan bahawa masalah ini adalah di luar kawalan manusia, sambil menuduh the person upstairs pernah disentuh di Dewan yang mulia ini pada hari kelmarin. Saya tidak tahu siapa itu person upstairs, tidak ada tempat di atas bumbung di Dewan ini, pasti apa yang dikatakan ialah Tuhan yang Maha Kuasa. Dengan izin, natural disaster of this kind seperti jerebu is

surely that act of man, and not the act of God.

Saya percaya pihak-pihak tertentu senang menuduh kepada pihak lain apabila keadaan seperti ini terjadi dan malangnya sentiasa peribadi yang tidak boleh dilihat seperti Tuhan yang Maha Kuasa menjadi sasaran. Saya percaya sampai masanya di Dewan yang mulia ini Ahli-ahli Yang Berhormat kita perlu lebih bertanggungjawab supaya kesilapan manusia itu menjadi tanggungan manusia dan khususnya pemimpin-pemimpin negara.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya sekarang ialah bagaimana negara kita dan kita semua boleh belajar daripada pengalaman ini dan menyelesaikan masalah ini serta membanteras keadaan supaya masalah jerebu seperti yang kita hadapi sekarang ini mudah-mudahan tidak lagi diulangi di masa yang akan datang. Kita harus sentiasa ingat bahawa masalah ini seperti mana yang telah ditekankan bukan baru, ia terjadi pada tahun 1990, diulangi lagi pada tahun 1991 dan 1994 dan nampaknya pengalaman-pengalaman yang lampau itu tidak mencukupi bagi kita mengawalkan keadaan sampailah keadaan yang lebih teruk lagi pada tahun 1997 ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara penting yang harus ditekankan ialah mengenai dengan soal pencemaran alam sekitar, iaitu pencemaran alam sekitar khususnya pencemaran udara, ia tidak mengenali sempadan, dengan izin, air pollution knows no boundary. Maka dalam perkara ini seperti mana kita sedia maklum, punca pencemaran udara yang kita hadapi pada saat ini adalah berpunca di luar daripada negara kita. Maka dengan itu, kerjasama di antara kerajaan sangatlah penting dan asas sekali.

Dari segi badan ASEAN maka inilah satu badan yang harus bertindak dengan lebih khusus dan lebih berkesan dan lebih berkekalan. Kita difahamkan bahawa ASEAN Secretariat di Jakarta sebenarnya telah mengeluarkan SOS ataupun surat untuk bantuan dan seterusnya makluman tentang keadaan yang sebenarnya cukup lewat daripada apa yang harus dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bentuk peranan ASEAN dalam perkara ini, pihak kita berpendapat bahawa harus ada usaha yang lebih gigih, lebih khusus yang saya katakan tadi lebih berkekalan, iaitu dengan izin, continuous bukan sahaja apabila ada masalah timbul barulah tindakan-tindakan dijalankan. Walhal kita berpendapat bahawa masalah alam sekitar memerlukan monitoring, dengan izin, perlukan kawalan yang berterusan. Maka soal-soal,

dengan izin, early warning system, kita berpendapat bahawa pihak ASEAN harus mengambil tindakan yang lebih spesifik di dalam perkara ini.

Kita sudah berjalan di dalam era informasi teknologi, di mana satelit-satelit ratusan bahkan ribuan di angkasa untuk mengambil maklumat-maklumat tertentu tentang keadaan semuanya termasuk keadaan cuaca dan alam sekitar. Kita berpendapat bahawa dengan adanya kemajuan di dalam bidang teknologi ini, maka soal mengawali dan mengetahui keadaan cuaca harusnya bukan perkara yang sulit. Keadaan mengawal dan monitoring, dengan izin, harusnya bukan perkara yang sukar dilakukan.

Seterusnya juga, Tuan Yang di-Pertua, harus maklumat-maklumat yang spesifik diberi kepada umum supaya kerjasama boleh ditumpukan oleh semua pihak untuk menjaga keadaan alam sekitar dan tidak pula memberi sumbangan kepada keadaan jerebu seterusnya. Soal penalti ataupun fines, dengan izin, kepada mereka yang terlibat bukan sahaja harus diteruskan, tetapi harus ada kawalan dan ada tindakan yang khusus supaya mereka yang terlibat haruslah diambil tindakan dengan tegas. Tindakan undang-undang juga haruslah diperketatkan kepada mereka yang terlibat. Ini memerlukan kawalan dan enforcement, dengan izin.

Kita berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa tindakan-tindakan seperti ini hendaklah dibuat di peringkat ASEAN supaya sistem dan kawalan yang dilakukan adalah berkesan dan juga boleh diguna pakai di dalam semua negara khususnya berkaitan dengan soal tindakan undang-undang penalti, dengan izin, kepada mereka yang terlibat dan pencemaran.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum beberapa negara lain yang sudah maju seperti negara Australia misalnya, setiap tahun mereka menghadapi juga masalah bush fire, dengan izin. Tetapi kita melihat bahawa dalam beberapa dekad ini mereka telah mengurangkan keadaan ataupun jumlah bush fire, tetapi bukan api di sebelah hutan kerana dengan kawalan yang spesifik, dengan maklumat yang tepat, dengan tindakan yang tegas dilakukan dan dengan kerjasama oleh semua pihak. Misalnya, pada masa-masa suhu meningkat dan panas, amaran dikeluarkan melalui televisyen dan news paper, bahkan melalui leaflet, dengan izin, kertas-kertas maklumat kepada semua masyarakat supaya berjaga-jaga. Bomba bersiap sedia untuk menangani kemungkinan ada api yang secara semulajadi akan bermula.

Selain daripada itu, amaran diberi kepada pihak masyarakat supaya denda dikenakan kepada mereka yang membuang cigarette dan memulakan api. Maka dengan tindakan-tindakan seperti ini, saya percaya walaupun tidak semua sekali membanteras keadaan api di hutan rimba, tetapi konsep seperti ini digunakan dan tindakan seperti ini kita boleh gunakan di peringkat ASEAN supaya ada tanggungjawab oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah ada kaitan dengan soal implikasi soal jerebu ini kepada kesihatan rakyat negara Malaysia yang mana pada saat ini dikatakan sukar untuk mengetahui apakah sebenarnya akibatnya. Dan adakah keadaan itu akan memudaratkan kesihatan rakyat Malaysia keseluruhan. Slogan negara yang mengatakan 'Rakyat Bersih Negara Sihat', saya percaya haruslah diberi perhatian. Kalau udara dicemar pasti rakyat tidak sihat dan negara pasti tidak sihat. Perlu dikaji, maka perlulah pihak kerajaan mengkaji impak jerebu ini kepada kesihatan rakyat Malaysia, khususnya para pakar-pakar doktor menjalankan penyelidikan supaya pada masa-masa yang akan datang soal masalah penyakit yang timbul lahir daripada masalah jerebu ini dapat dikawal dan diambil tindakan lebih awal.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, ialah akibat jerebu ini kepada tumbuhan-tumbuhan khususnya tanaman-tanaman pertanian dan juga hidupan liar, kerana kita berpendapat bahawa pasti ada akibat bahawa jerebu ini memandangkan ia mengganggu cahaya, ia mengganggu panjangnya keadaan gelap, jadi ada efek kepada apa yang kita katakan photosynthesis dan flowering kepada tanaman-tanaman pertanian. Kita menyarankan kepada pihak kerajaan supaya pihak-pihak penyelidikan pertanian menjalankan kajian mengenai perkara ini disebabkan kita berpendapat pasti ada akibat kepada pengeluaran hasil pertanian, kalau bukan pada masa musim sekarang, tetapi pada musim-musim yang akan datang.

Kita juga difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa masalah jerebu ini ada akibat kepada hidupan liar. Misalnya, ada dilaporkan di Indonesia di mana harimau-harimau dan singa-singa keluar daripada hutan rimba dengan lebih ganas dengan membunuh beberapa manusia. Gajah juga keluar daripada hutan-hutan rimba dan merosakkan tanaman-tanaman di sana-sini. Ini membuktikan bahawa soal akibat jerebu ini bukan sekadar soal akibatnya kepada manusia, tetapi kepada tanaman-tanaman dan

kepada binatang-binatang.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkaitan dengan rakyat termiskin. Pada masa jerebu di Sabah dan Sarawak di dalam keadaan indeks yang tinggi, maka arahan ataupun maklumat telah pun dikeluarkan supaya rakyat berhenti untuk membakar di halaman terbuka. Tetapi rakyat yang termiskin khususnya mereka yang tinggal di bukit-bukit dan mengusahakan pertanian secara pindah-randah, bagi mereka ini tidak ada pilihan lain, kerana membakar ladang untuk menyediakan tanam padi bukit itu adalah kebiasaan bagi mereka dan golongan yang terlibat masih dalam tidak kurang ratusan households, isi keluarga. Maka dalam perkara ini apabila kita mengatakan jangan bakar ladang, bagi mereka ini sebenarnya menyusahkan dan membawa masalah kepada kehidupan mereka dan mengurangkan taraf kehidupan status ataupun standard of living, dengan izin, bagi masyarakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi negara mengambil tindakan dari segi teknologi, dari segi kesihatan, dari segi membanteras masalah ini, kita harus jangan lupa bahawa akibat pencemaran jerebu seperti ini bukan sahaja kepada negara keseluruhannya, tetapi lebih terdedah kepada mereka yang miskin dan akhirnya nanti keadaan di mana yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin. Yang kaya boleh keluar dari negara kita mengelakkan jerebu, tetapi bagi mereka yang miskin bukan sahaja mereka terus menikmati masalah jerebu, tetapi ladang mereka ditunda dari segi membakar, menyediakannya. Saya percaya ini akan membawa masalah yang lebih berterusan bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada penerangan-penerangan itu, pihak kita menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dari segi soal peranan semua pihak dan kerajaan untuk membanteras masalah jerebu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

3.48 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap sedikit, untuk membahas dan menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, jerebu di Sarawak memang sudah menjadi satu kelaziman dan bukanlah satu

fenomena yang baru. Semasa kecil lagi, saya memang pernah melihat jerebu. Kalau dahulu jerebu keluar pada bulan tujuh, bulan lapan, bulan sembilan, kita melihat matahari mula bertukar merah dan orang di kawasan saya mengatakan banyaklah paya dan udang keluar dan para nelayan akan mendapat nikmat daripada tangkapan. Sejauh mana kepercayaan ini benar ataupun tidak, tetapi perkara ini memang pernah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1982 jerebu yang tebal sedikit mula dipandang, dan diikuti pula pada tahun 1990, 1991 dan 1994. Pada tahun 1991 pilihanraya negeri Sarawak, saya sendiri pernah tersesat di laut hampir pergi ke Singapura hendak balik ke Kuching daripada kawasan. Saya pernah membawa perkara itu ke Dewan ini. Desas-desus kerajaan untuk membuat kerjasama serantau telah juga dibuat. Tetapi sampai sekarang saya belum dapat melihat apakah tindakan serantau yang kita telah cadangkan. Tetapi pada tahun ini (1997), saya duduk di Kuching daripada 14 September, 1997 hingga tamatnya darurat jerebu pada 29 September, 1997. Saya melihat sendiri apa yang saya pandang ialah daripada apa yang saya pandang sendiri, bukan daripada khabar angin dan desas-desus. Kebakaran besar-besaran di Indonesia bukan sahaja perkara ini menjadi satu masalah negeri Sarawak yang dahulunya dipandang sebagai perkara biasa, tetapi juga telah menjadi masalah negara, dan juga telah menjadi satu masalah ASEAN apabila negara Brunei Darussalam, Singapura dan Indonesia, Malaysia termasuk sekali oleh kebakaran di Indonesia.

Kebakaran di Indonesia mengikut laporannya melibatkan hutan tidak kurang daripada 900,000 hektar. Kebakaran mengikut sejarahnya dalam masa 10 tahun kebelakangan ini bukanlah terletaknya di Indonesia sahaja. Dalam masa 10 tahun, 10,489,000 hutan hektar di dunia terkena kebakaran. Jadi, ini ada berlainan sedikit dengan pendapat Yang Berhormat dari Bandau. Di Australia umpamanya, pada tahun 1984, 800,000 hektar terbakar di Australia pada tahun 1994. Kebakaran ini dari Australia sampai ke Mongolia, dari Western Australia ke Siberia, kebakaran 10,489,000 hektar. Tetapi tidak pernah kebakaran ini dibuat menjadi satu isu politik. Kebakaran ini adalah dipandang sebagai satu bencana alam. Sama ada kebakaran ini dipandang dari segi perbuatan manusia ataupun bencana alam sebagaimana yang disebut Yang Berhormat dari Bandau iaitu act of God, kerana pernah berlaku dalam laporan, iaitu petir menyambar tempat yang kering yang menyebabkan kebakaran. Ini berlaku di California.

Jadi, saya ada semua senarai negara yang terkena kebakaran 10 tahun dahulu. Alaska 1988 - 800,000 hektar; China 1987 - sejuta hektar, 200 manusia mati; Siberia 1996 - 500 hektar; Mongolia 1996 - sejuta hektar, 25 orang mati; Australia - 800 hektar; Western Canada 1989 - 2 juta hektar terbakar; Western Canada 1995 - 1.5 milion hektar terbakar; Quebec 1991 - 250 hektar; Western USA 1988 - 65,000 hektar; 1 juta hektar pada tahun 1994 - 20 orang mati. Palagus yang terkecil sekali - 9,000 hektar, sekarang kita mendengar kebakaran di Indonesia hampir 900,000 hektar.

Tetapi kebakaran di negara-negara lain tidak melibatkan kita kerana angin menumpu bukan ke negara Malaysia, tetapi ke negara lain. Saya tidak pernah mendengar kebakaran-kebakaran di negara-negara tersebut menjadi satu isu politik yang meminta menteri resign, minta Ketua Menteri dan mana-mana orang resign. Tidak ada pun, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi isu ini hanya dibangkit oleh pihak pembangkang minta orang di sana resign, meletak jawatan dan sebagainya. Terjadi jerebu di Sarawak 1994, darurat diisytiharkan pada tahun 1997, ini secara peribadi, saya bukan hendak membela sesiapa.

Pada 18 September, 1997, saya membuat temujanji dengan Attorney General Sarawak untuk berjumpa atas perkara-perkara lain. Saya diberitahu pada 18 September, yang Attorney-General tidak boleh jumpa saya selepas pukul 9.00. Dia jumpa saya pada pukul 8.30 sebab katanya ada satu mesyuarat tergempar akan diadakan pada pukul 9.00 pada 19 September, iaitu hari darurat diisytiharkan. Jadi, saya berjumpa dengan Attorney-General untuk berbincang fasal undang-undang, the question of law dan persoalan lain. Saya diberitahu secara tidak rasmi dan tidak langsung perhubungan iaitu majlis mesyuarat tergempar negeri untuk mengadakan strategi dan melantik menteri-menteri dan bertanggungjawab atas bencana jerebu, belum disebut darurat lagi di Sarawak.

Jadi, pelan tindakan telah diambil dan dikenal pasti pada 18 September, 1997. Pada ketika itu, garis panduan-garis panduan dan pelan tindakan sudah dibuat. Menteri-menteri yang dilantik sudah diberitahu. Umpamanya, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Dr. George Chan, seorang pakar perubatan dan Tan Sri Alfred Jabu, seorang pakar pertanian. Mereka betul-betul ada hubung kait dengan jerebu, pakar kedokteran dan pakar hutan. Jadi, Ketua Menteri Sarawak apalah dia sebagai peguam dan pemimpin apa yang saya tahu ia terpaksa mencari pakar.

Tuan Yang di-Pertua, banyak masalah dalam mesyuarat itu telah dirancang dan difikirkan, mungkin berlaku kalau jerebu itu berterusan dan kalau masalah kekeringan berterusan. Masalah kekeringan berterusan, ini bukan perkara baru. Ia pernah berlaku. Pada tahun 1991 bencana jerebu ini memang berlaku apabila ada kekeringan. Tahun 1991 pun ada kekeringan, jerebu berlaku. Pada tahun 1991 di kawasan saya, saluran paip di kampung Beladin, air masin masuk ke dalam paip minuman. Jadi, orang kompelin kenapa air masin masuk. Oleh kerana memang sudah jadi satu fenomena kalau paip itu dibuat kurang jauhnya, air masin itu naik ke atas kerana kekurangan penurunan air yang bersih ataupun air yang tawar daripada hulu air. Kalau catchment area kurang besar, jadi air masin yang masuk ke dalam paip disalurkan ke rumah masing-masing. Ini juga berlaku di Sarawak ataupun di Kuching pada 19 September.

Jadi, masalah ini semua telah difikir dan dirancang macam mana untuk mengatasinya. Maknanya, walaupun siapa-siapa yang tidak ada dalam negeri Sarawak ataupun menteri yang tidak ada di Sarawak, pegawai kerajaan yang duduk to look after the port, will be able to handle, dengan izin, apa-apa bencana dan keadaan berlaku di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap bukan sahaja dari segi berlaku pada 19 September, 1997. Saya bercakap dari segi darurat dan pengendalian bilik operasi ini bukan pengalaman satu-dua hari, tiga hari atau dua-tiga bulan. Saya pernah menduduki bilik operasi pergerakan negeri Sarawak semasa saya berumur 22 tahun. Saya menduduki bilik operasi RASCOM pada tahun 1992 mengenai peperangan di RASCOM. Jadi, apa garis panduan dan tingkah laku dan perbuatan pegawai-pegawai di dalam kesemua kita sudah buat. General tidak payah duduk dalam itu.

Jadi, masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan ini satu sahaja, jangan mendatangkan panik. Kalau semua strategi garis panduan dan arahan ketua sudah dilantik dan sebagainya, operasi boleh bergerak as it moves by itself, asalkan jangan dipanikkan orang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Tadi saya dengar bahawa di negeri Sarawak oleh kerana akan mengadakan darurat jerebu, sudah lantik dua orang yang bertanggungjawab sepenuh kuasa untuk menangani krisis itu, iaitu Datuk George Chan, seorang pakar perubatan dan Alfred Jabu, seorang pakar pertanian dan sebab itu kedua-duanya

disifatkan sebagai pakar jerebu dan tidak payah Ketua Menteri sebagai seorang peguam sahaja. Adakah ini bererti bahawa ini pun membayangkan bahawa Pengerusi Jawatankuasa Bencana Nasional, Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamad Rahmat, dia tidak layak menjadi Pengerusi National Disaster Committee, siapa dia. Apa kepakaran beliau mengenai jerebu, beliau bukan pakar perubatan, bukan pakar pertanian, pakar apa, pakar bencana! Oleh kerana beliau seorang bencana.

Yang kedua, bukannya mustahak supaya tidak mengakibatkan panik bahawa Ketua Menteri sebagai orang yang berkedudukan utama dalam negeri itu tunjuk melalui teladan bahawa beliau tidak panik sendiri dengan keluarga lari daripada negeri Sarawak. Kalau tidak mahu rakyat panik, Ketua Menteri dan keluarga beliau tidak patut panik dahulu, oleh kerana sampai sekarang orang tidak tahu kenapa....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
[Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Saya tanya bukannya benar bahawa sampai sekarang....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tanya, oleh kerana, nanti-nanti, oleh kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti, Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah beri laluan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, bukannya benar bahawa sampai sekarang tidak ada orang tahu kenapa Ketua Menteri atau boleh percaya penjelasan yang diberi oleh Ketua Menteri Sarawak, beliau pergi ke luar negeri dengan keluarga ke US untuk dapat nasihat mengenai anti-haze, dan sampai sekarang Ketua Menteri Sarawak tidak ada di sini. Ia sepatutnya ada di sini. Kita beri notis, sampai sekarang tidak ada di sini. Bukankah ini satu alasan yang kuat di mana patutlah beliau letak jawatan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya memang sudah tahu Ketua Pembangkang fasal twisting memang first class! Saya kata Dr. George Chan, seorang agriculture expert, saya tidak pernah kata beliau menjadi pakar jerebu. Adakah pernah saya kata beliau jadi pakar jerebu, saya tidak kata pun. Dia kata kedua-dua orang ini, seorang doktor dan seorang agriculturist sudah jadi pakar jerebu. Ini twisting of fact, come on! Lain kali janganlah

cakap twisting macam itu. Saya bukan hendak bela sesiapa. Saya hendak menegaskan kebenaran.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduk dahulu! Saya belum beri peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduk dahulu!

Tuan Lim Kit Siang: Twist atau tidak twist.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya belum habis lagi, saya jawab dua soalan. Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Duduk Yang Berhormat, dia belum beri laluan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jangan sangka you Ketua Pembangkang boleh berdiri bila-bila masa sahaja. Duduk, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, 36(6) mengenai sangkaan jahat. Oleh kerana saya tidak twist, oleh kerana saya ikut ucapan Yang Berhormat itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:sangkaan jahat bahawa saya ada twist, ada improper motives atau niat yang jahat. Saya tidak twist oleh kerana beliau ada sebut mengenai pakar perubatan, pakar pertanian, kalau tidak bersangkutan dengan pakar jerebu. Sama ada mereka pakar perubatan dan pakar pertanian tidak bersangkutan-paut.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya akan buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa Peraturan Mesyuarat 36(6) ini tidak timbul.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tidak kena mengena.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat cuma hendak beri penjelasan sahaja. Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang betul,

saya tidak pernah mengatakan motive jahat. Tidak pernah pun saya gunakan perkataan motive tadi. Saya gunakan perkataan twist sahaja. Allahu Akbar, bagaimana dungunya manusia.

Jadi, mana soalan Ketua Pembangkang. Dia kata apa lagi tadi? Apa you kata tadi?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau berani tanya, berani beri jalan. Kenapa mahu tanya?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya sudah ingat. Tengok muka Yang Berhormat saya sudah ingat. *[Ketawa]* Duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Ada tanya bukan?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak. Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu tarik pertanyaan?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tarik balik jawapan. Tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: Ada pendirianlah!

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tarik balik laluan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tidak beri laluan. Dia kata soal Ketua Menteri Sarawak, tetapi facts Yang Berhormat itu kurang jelas. Tidak 'ngam'. Yang Berhormat kata Ketua Menteri Sarawak tidak ada di Sarawak. Saya beritahu mekanisme, pelan dan semuanya telah teratur. Menteri-menteri bertanggungjawab telah dilantik, pegawai-pegawai kerajaan yang mengendalikan operasi-operasi telah dilantik. Jadi, semua pergerakan operasi di Sarawak sedapat boleh orang Sarawak lakukan telah dibuat, telah dirancang.

Jadi, persoalan Ketua Menteri ada di Sarawak atau tidak bukan soalan jerebu. Soalan Ketua Menteri tidak ada di Sarawak itu adalah soalan politik Yang Berhormat. Jadi, inilah Yang Berhormat bawa - saya baca home page Yang Berhormat ini. Ada tiga muka saya baca. Semua cerita itu bukan cerita jerebu, tetapi cerita politik Yang Berhormat. Sekarang saya hendak beritahu cerita politik Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat hendak tubuhkan DAP cawangan Samarahan dahulu, Yang Berhormat bawa isu Native Customary Rights on Land. Soalnya kerana hendak tubuh cawangan DAP di Samarahan. Sekarang oleh kerana pilihanraya Kidurong, Bintulu, Yang Berhormat gunakan jerebu untuk politik Yang Berhormat, bukan untuk jerebu.

Saya tahu apa penjelasan itu, tidak ada benda yang jelas. Benar, semua tindak-tanduk Yang Berhormat itu ialah untuk politik Yang Berhormat. Ada seekor burung...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan tawar-menawar, dia belum beri lagi. Hendak beri? Hendak beri laluan, Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak beri atau tidak beri, saya tidak beri.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak beri, okaylah. Tak beri tak payah. *[Sambil keluar dari Dewan]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat bersetuju otak Ketua Pembangkang jerebu?

Seorang Ahli: Takut, Tanjong lari!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya, iaitu otak Ketua Pembangkang sendiri pun telah berjerubu. Jadi, fikiran dia sendiri sudah tidak tentu hala, adakah bersetuju dengan saya, sampai dia keluar Dewan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa soalan semacam ini tidak payahlah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Michael Lisa Kaya: Tidak payah jawab.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Oleh kerana nasihat Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa akurlah. Tetapi walau bagaimanapun, saya hampir bersetuju. *[Ketawa]*

Jadi, soal yang saya sebutkan tadi ialah soal panik. Dalam keadaan emergency, Tuan Yang di-Pertua, ialah satu masalah besar yang kita mesti over come ialah panik. Saya emphasis perkataan 'panik' ini. Oleh kerana kalau ada peperangan, ada orang mati kena tembak, tunggu seminggu baru nama orang itu keluar. Sebabnya satu, supaya keluarga diberitahu dahulu; kedua, supaya jangan menjatuhkan perasaan dan semangat orang pergi berperang. Yang ketiga, supaya jangan mendatangkan satu panik kepada masyarakat dan rakyat negara.

Jadi, ini telah dibuat oleh Ketua Pembangkang, Tuan Yang di-Pertua. Dia buat circular, Internet

Home Page ini seluruh Kuching dia beri. Jadi, di samping dia menegur Ketua Menteri tidak ada di Sarawak, dia mendatangkan satu suasana panik di Sarawak. Bukan keadaan jerebu, tetapi oleh kerana circular yang dia buat oleh Ketua Pembangkang yang membuat orang panik. Jadi, saya sendiri secara peribadi menelefon, cakap orang Sarawak 'menelefon'. Saya menelefon.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Apa maksud Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya menelefon bilik operasi di Kuching. Saya bercakap dengan Ketua Pengarah Operasi pada malam itu, saya minta supaya pengeluaran akhbar dibuat supaya jangan masyarakat di Kuching panik. Panik oleh kerana dieksploitasikan. Pernah dieksploitasikan air masin, dieksploitasikan soal air tidak cukup. Mereka eksploitasikan surat-surat DAP ini. Saya sendiri bercakap. Jadi, jawapan Director, saya akan refer perkara ini kepada Yang Berhormat Datuk Dr. George Chan supaya perkara ini boleh dibuat pada esok hari.

Jadi, kita terpaksa mengatasi masalah yang Ketua Pembangkang buat di Sarawak, masalah orang panik. Jadi, saya dari segi peribadi saya bukan membela sesiapa. Saya tidak membela sesiapa. Saya hanya membela kebenaran, saya hanya membela kedudukan rakyat Sarawak. Siapa rakyat Sarawak yang telefon dengan Ketua Pembangkang mengatakan orang di Sarawak keadaan panik oleh kerana Ketua Menteri tidak ada. Tidak ada pun. Mereka still going on their own way. Budak-budak yang tidak patut pergi sekolah, mereka pergi main football. Bahkan saya sendiri bertanya-tanya kenapa perlukah sekolah ditutup, perlukah pejabat ditutup. Oleh kerana saya kata, kalau ditutup budak pergi main football, mana satu yang sihat, duduk di dalam kelas atau main football?

Jadi, saya minta maaf nampaknya ada emotional. Sebenarnya saya tidak emotional. Saya hendak lawan Ketua Pembangkang bising sahaja. Ketua Pembangkang kata dia hendak datang. Beliau tidak dapat datang ke Sarawak kata dia pada hari itu, oleh kerana di Sarawak berjerubu, kapal terbang tidak boleh dapat sampai. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri satu. Rakan saya, Yang Berhormat dari Bukit Mas duduk di Miri, jerebu pun ada di Miri. Dia terpaksa pandu kereta daripada Miri pergi ke Kota Kinabalu, dari Kota Kinabalu naik kapal terbang sampai ke Kuala Lumpur. Kalau betul-betul Ketua Pembangkang ataupun mana-mana DAP betul berazam hendak datang ke Kuching, dia boleh

terbang ke Kota Kinabalu naik kereta. Sampai ke Miri, ke Kuching ada jalan. Sebenarnya cakap sahaja ini. Saya cakap semuanya ini permainan politik DAP.

Jadi, jangan diheboh-heboh sangat, we handle the situation well, dengan izin. Kerajaan Pusat sudah beri apa yang hendak buat. Kerajaan negeri bagi detail tindakan-tindakan secara sampai ke grass rootnya untuk menangani masalah yang kita hadapi pada ketika itu. Apa yang kita tidak boleh buat ialah untuk hendak padam api di Indonesia, di Kalimantan. Itu sahaja yang kita tidak boleh buat. Walau bagaimanapun, kita menghantar juga riki petrol orang kita, iaitu pegawai untuk menilai apa yang perlu di Kalimantan, macam mana kita boleh membantu di Kalimantan. Sampai laporan itu balik dua hari selepas itu, baru kita tahu dan tindakan yang diterima oleh pihak Indonesia dan tindakan kita untuk menghantar pertolongan kepada pihak Indonesia di Kalimantan.

Alhamdulillah, pihak Indonesia menerima pertolongan kita, bantuan kita untuk mengatasi masalah yang sedemikian. Jadi, bukan hendak buat surat layang, bukan hendak cakap ini, tuduh-menuduh dengan ketua-ketua masyarakat. Kebakaran di tempat lain, jerebu di tempat lain, kalau 10,000....

Puan Rohani binti Abd. Karim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Santubong bangun.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Yang Berhormat, saya ingin hendak mendapat penjelasan, iaitu pada 19 September 1997, adakah disebabkan keadaan yang sangat mendesak yang menyebabkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri terpaksa mencari jalan untuk mendapat kepakaran mengatasi masalah jerebu?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya setuju. Oleh kerana jerebu ini perkara yang baru. Saya hendak cerita sedikit, Yang Berhormat. Saya berbincang dengan dua orang doktor. Doktor bertanya saya, katanya "Yang Berhormat, semasa you pakai mask adakah tidak tanda-tanda hitam dekat hidung you?" saya kata ada. Jadi, kata dia, "yang suspended particles ini adalah too small untuk ditutup dengan mask yang you pakai". Katanya, mask yang kita pakai itu tidak mendatangkan kesan untuk menahankan jerebu daripada masuk ke hidung. Saya berjumpa lagi seorang doktor pun tidak pakai tudung hidung. Saya tanya kenapa tidak pakai? Katanya, "macam mana hendak pakai, kerana jerebu ini comprise of

smoke dengan very microscopic particles suspended the air. Macam you breathing ordinary air, macam mana you hendak tahan, melainkan you beli respirator yang berharga RM250. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, oleh kerana kita tidak mempunyai kepakaran berhubung dengan jerebu ini, walaupun Yang Berhormat dari Bandau tadi bercakap satu hari exposure kepada jerebu ini equivalent to 60 smoking cigarette kita hisap.

Tuan Yang di-Pertua, jangan buat jadi pakar sendiri. Banyak pakar berlaku di Sarawak. Banyak pakar membuatkan idea-idea mereka sendiri. Ini buat orang panik. Kita tidak tahu pun kesan-kesan jerebu. Kita kena pergi ke negara-negara yang saya sebutkan tadi. Pergi ke Australia, pergi ke Amerika, pergi ke Kanada. Mereka sudah melihat hutan terbakar, jerebu banyak, kita pandang kesan-kesan daripada 10 tahun yang lepas. Kalau kita dapat kesan daripada mereka, kajian mereka dan laporan daripada mereka, mungkin mereka ini boleh mendapat. Macam di Amerika umpamanya 2 milion hektar hutan terbakar, mesti banyak pengalaman. Saya memang menyokong kalau Ketua Menteri Sarawak pergi ke Amerika cari expertnya, kerana pengalaman kebakaran di USA ialah dalam masa tahun 1998, 1993 dan 1994 hampir 2 milion hektar hutan terbakar. Mana ada pengalaman dia. Jadi, saya tidak hairanlah kalau Ketua Menteri Sarawak pergi ke Amerika mencari expert, tempat yang terbanyak sekali melihat jerebu dan kebakaran. Saya setuju, Yang Berhormat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, hal jerebu ini adalah soal darurat. Soal darurat ini bermacam-macam darurat. Ada darurat oleh kerana air bah, ada kerana jerebu, ada darurat oleh kerana orang merusuh, ada petembakan dalam hutan dan sebagainya. Tiap-tiap darurat ini ada cara dan pelan tindakan yang sepatutnya kita buat. Jadi, soal-soal mengatakan Ketua Menteri Sarawak tidak ada, keluarga Ketua Menteri tidak ada, ini semua bohong. Kalau Ketua Menteri pergi ke Amerika, saya tidak boleh menafikan. Tetapi katakan semua keluarga tidak ada di Sarawak, itu bohong. Saya berjumpa dengan anak Ketua Menteri pada 24 September semasa saya pergi ke coffee house di Holiday Inn di Kuching, saya jumpa dengan isterinya. Kalau dia lari, kenapa tidak lari, dia banyak duit. Saya jumpa sendiri. Bahkan mungkin Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar nanti boleh beritahu ada majlis perkahwinan di rumah Menteri saya ingat. Ini pun ada anak Ketua Menteri datang. Jadi, kenapa pula katakan anak Ketua Menteri pun tidak ada, keluarga Ketua Menteri pun tidak ada. Jadi, ini bohong. Kalau dia buat itu

mungkin incidentally, appointment sudah buat, dia terbang pada hari itu dan it falls on the date darurat itu dibuat.

Jadi, saya hendak beritahu ulasan sedalam-dalamnya, saya tidak boleh buat, oleh kerana saya tidak ada berbincang dengan Ketua Menteri. Jadi, apa yang saya sebut daripada apa yang saya tahu yang memang saya sendiri alami dan melihat keadaan. Jadi, dalam keadaan jerebu saya pernah berbincang dengan orang ramai. Bahkan saya berbincang dengan orang tua-tua yang duduk daripada Shanghai, Canton pergi ke negeri China. Dia kata di negeri China macam di England dan di negeri-negeri orang Putih. Dia gunakan kayu bakar, dia bakar dalam biliknya untuk memanaskan dalam rumah. Macam di negara yang advance ada chimney buat asap ini keluar. Tetapi negeri China, negeri yang bukan rumah sedap-sedap kata dia, asap ini masuk balik ke dalam rumah. Ini juga jerebu. Tetapi kenapa pula kesan-kesan jahat tidak ada. Orang tua China cakap dengan saya. Jadi, kata dia "saya tengok saya punya tok nenek di Canton sana, tengok benda macam ini tidak ada apa-apa, tidak kesah."

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Betulkah, Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Betul. Saya bercakap betul, saya boleh jemput kalau kerajaan beri tambang untuk datang ke sini. Saya berterima kasih Tuan Yang di-Pertua soal soalan ini, ini betul-betul. Jadi, saya tanya, saya tanya pandangan doktor, saya tanya dengan orang tua-tua tentang jerebu ini. Orang Indonesia, saya jumpa mereka banyak, ada seorang daripada Penadu. Saya panggil dia nama Pak Man, dia baru balik daripada Pontianak hari darurat. Pak Man, kenapa orang Indonesia bakar hutan di Indonesia. Dia kata, "ini perkara biasa, bisa sahaja pak".

Jadi, benda politik ini kita heboh. Yang penting, Yang Amat Berhormat, biarlah saya mencadangkan satu-satu perkara. Tindakan Kerajaan Pusat untuk mendeclarekan darurat, kita ucapkan jutaan terima kasih, kerana menggegarkan supaya memberi kesedaran kepada masyarakat kita yang kebakaran ini mungkin boleh mendatangkan satu-satu merbahaya kepada kita yang belum kita dapat kesannya. Jerebu ini semasa muda dahulu, bila saya tolong ibu bapa saya membakar ladang padi, memang syok libas asap, orang Sarawak kata 'pandok'. Macam bermain di tempat itu. Jadi, kita belum tahu kesannya. Apa yang perlu kita hendak kaji. Jadi, saya berharaplah pakar-pakar daripada Amerika yang Ketua Menteri Sarawak buat

itu boleh membuat kajian, kerana group daripada Jepun diketuai oleh Mr. Takashi ialah expert pengumpul data hal jerebu, itu sahaja. Jadi, expert kesan jerebu, expert jerebu mungkin akan sampai tidak lama lagi atas jemputan Ketua Menteri Sarawak.

Jadi, soal Ketua Pembangkang itu teruk sangat. Soal Ketua Menteri tidak ada. Bahkan menteri-menteri yang patut menjalankan tugas semua sudah menjalankan tugas dengan baik, sudah menangani masalah dan menjalankan tugas mereka dengan baik. Dia kata heboh pula, dia yang buat panik. Dan Ketua Menteri membawa keluarga, ini pun bohong juga. Kalau ada seorang anaknya pergi, atau cucu atau neneknya pergi, incidental benda itu memang sudah lama dituntut.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya belum habis lagi. Dalam cakapan saya, in my train of thought, please. [Ketawa]

Satu lagi, dia kata menteri-menteri Sarawak, saya bukan bela, Datuk Abang Johari dia sebut, masa itu Datuk Abang Johari ada di Kuala Lumpur, bukan lari sebab di Kuala Lumpur ada jerebu juga. Dia balik ke Sarawak selepas itu, kerana dia tahu jalan-jalan macam mana Yang Berhormat dari Bukit Mas boleh jalan, Ketua Menteri Sarawak pun boleh balik ke Sarawak. Bukan macam Ketua Pembangkang, dia tengok jerebu dia lari.

Jadi, macam itu juga Datuk James Wong memang sudah hampir dua minggu tidak ada di Sarawak masa itu. Jadi, kenapa pula sibuk dengan dia. Jadi, bila argument dia collapse tentu target dengan Ketua Menteri Sarawak itu sahaja. Jadi, hendak cari scapegoat itu first classlah. Tetapi pokok pangkalnya ialah Kidurong by-election. Memang macam itu, hendak tubuh cawangan, hentam negeri Sarawak, hendak ada by-election di Sarawak cerita hal jerebu. Jerebu ini incidental. Sebenarnya Kidurong is a target. Jadi, saya haraplah jangan gunakan perkara national disaster, national happening macam ini mendatangkan kemudaratkan kepada negara sebagai political issue dan saya sebut tadi seekor burung, baru saya ingat.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat hendak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
Burung vulture atau burung nasar.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
Burung itu, bila benda - tunggu sekejap.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan takut.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
Jangan jadi burung vulture ini. Burung ini, dia capitalise on bahaya orang lain. Kalau orang lain ditimpa bahaya, orang mati dan bangkai itu dialah yang mendapat untung. Jangan buat macam ini. Politic is no good like that. Credibility mesti dimaintain. Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Tadi saya perhatikan Yang Berhormat mengatakan adalah satu perkara yang bohong atau tidak benar bahawa keluarga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak sama-sama lari daripada Sarawak semasa darurat jerebu diisytiharkan. Kalau begitu, kalau ini adalah satu perkara yang bohong, adakah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak bersedia untuk membuat satu saman tindakan mahkamah terhadap *New Straits Times*, kerana *New Straits Times* telah mengatakan dalam laporan mereka bahawa keluarga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sama-sama pergi dengan beliau, meninggalkan negeri Sarawak semasa darurat jerebu diisytiharkan. Ini yang pertama.

Yang kedua, mengapa kalau dalam sistem komunikasi yang begitu cepat dan begitu canggih dan maju, mengapa Ketua Menteri Sarawak tahu bila hendak balik, iaitu hanya bila keadaan jerebu sudah bertambah baik, bila dalam peringkat yang tidak merbahaya, barulah Ketua Menteri Sarawak balik ke Sarawak, tetapi bukan semasa darurat jerebu masih berterusan. Bukankah ini satu keadaan yang saya rasa kalau Yang Berhormat tadi menyatakan kita hanya hendak menggunakan peluang ini untuk hentam perihai satu pilihan raya kecil yang akan diadakan. Itu bukan tujuan kita. Tetapi kalau Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak mengambil kira bahawa ia mungkin jadi satu isu, mengapa beliau begitu bodoh memberikan peluang kepada pihak kami. Tetapi itu bukanlah tujuan sebenar kita. Tujuan sebenar kami menimbulkan perkara ini kerana macam mana dalam keadaan jerebu, seorang ketua kerajaan negeri boleh meninggalkan negerinya semasa darurat jerebu diisytiharkan. Ini tidak pernah berlaku di mana-mana tempat. Tidak pernah berlaku apabila peristiwa 13 Mei berlaku, mana ada Perdana Menteri pada masa itu Tunku Abdul Rahman

ataupun Tun Abdul Razak, mana mereka ada meninggalkan negara Malaysia. Hanya Ketua Menteri Sarawak yang mencipta rekod dan sejarah meninggalkan Sarawak semasa darurat diisytiharkan. Sila jelaskan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
Anak bapa! Itu anak bapa, bapa borek anak rintik. Soal saman Yang Berhormat, bukan saya hendak compel Ketua Menteri Sarawak hendak saman orang. Saya tidak boleh paksa orang hendak saman siapa pun, itu atas Ketua Menteri Sarawak sendiri.

Yang kedua, soal kembali atau tidak kembali pun susah hendak dijawab, kalau dia pergi ke Amerika, pulang balik itu guna jet yang macam itu, kalau dia pakai jet ataupun commercial flight, saya tidak tahu apa dia pakai. Jadi, macam mana dia hendak balik, kalau dia balik dalam masa sepuluh hari, bermakna dia berada di sana dalam masa dua, tiga hari sahaja duduk, selepas itu berangkat balik.

Jadi, Yang Berhormat saya ucapkan terima kasih banyak-banyaklah kerana memujikan ketua-ketua Perdana Menteri Barisan Nasional, Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak, Yang Amat Berhormat Tunku, semua Barisan Nasional bukan DAP ini. Ha, saya berterima kasihlah. Saya berterima kasih kerana memuji pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dalam soalan ini.

Jadi, soalan Ahli Yang Berhormat menuduh orang, saman orang, ini soalan peribadi Yang Berhormat. Kalau dia hendak fikir prerogative dia, tidak boleh sesiapa pun hendak alihkan ataupun saya hendak compel, apa benda yang dia tidak boleh buat atau tidak hendak buat. Jadi, atas dialah Yang Berhormat ya. Tetapi walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat DAP ini ada wakil-wakil di Sarawak, ada ADUN di Sarawak DAP, saya cabar ADUN-ADUN DAP di Sarawak beri arahan kepada mereka bawakan isu ini di Sarawak nanti, tunggu tidak lama lagi, saya percaya mereka akan mengadakan persidangan Budget mereka sendiri tidak lama lagi.

Jadi, saya harap Yang Berhormat jangan lupa Yang Berhormat ya! Jangan lupa, suruh bawa isu ini ke Dewan Undangan Negeri Sarawak, saya mahu melihat Ahli Yang Berhormat sendiri duduk di sana, paksakan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat di sana macam mana, saya orang kecil daripada Ketua Menteri, macam mana saya hendak beri, sekarang Ahli Yang Berhormat lebih besar daripada wakil-wakil Sarawak, boleh paksa mereka bawa perkara ini di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Ha, kita lihatlah nanti soalan dan jawapannya.

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, kalau tidak ada mungkin ada pertelingkahan sedikitlah, oleh kerana orang Sarawak tidak percaya dengan cerita DAP di Pusat ini. Jadi, biar saya buat saranan sedikitlah, ini bukan soalan politik. Dalam keadaan jerebu oleh kerana perkara ini perkara baru, jadi, apa sebenarnya kesan, kita kena study.

Saya mencadangkan pihak kerajaan kalau ada menjemput pakar-pakar dari luar negeri dan pihak pusat mengambil inisiatif untuk melantik pakar ini sebagai pakar menyelidik dan memberi laporan kepada kerajaan, apakah kesan-kesan, sama ada kesan yang telah berlaku di negeri ini ataupun berlaku di negara-negara lain.

Walaupun kita menerima hakikat iaitu jerebu di Kuching dengan jerebu di Kuala Lumpur dan jerebu di Batang Lupar, di Lubok Antu berlainan. Mungkin Ahli Yang Berhormat tidak faham kerana jerebu ini 'suspended particles yang blanketing' seluruh negara ini, dia menahankan cahaya matahari daripada masuk dan menahankan oksigen dan karbon dioksida daripada bawah ini naik ke atas. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, semua discharges, industrial discharges, vehicle discharges dan sebagainya di Kuala Lumpur mendatangkan lebih keadaan kesan daripada apa yang berada di Lubok Antu ataupun di Kapit.

Jadi, kesan-kesan yang berlainan, jadi, kita hendak study ini kesan-kesan yang berlainan kerana di sini di Kuala Lumpur karbon dioksida banyak, discharges vehicle banyak, industrial discharges banyak, jadi yang kena blanket itu mungkin banyak lagi yang tidak boleh naik, tidak boleh lari. Jadi, kesan itu kita kena study. Oleh kerana macam mana Ahli Yang Berhormat dari Bandau tadi beritahu iaitu fotosintesis, kita nampaklah pokok-pokok itu jadi kekuningan, pernah kawan tanya saya: "Kenapa pokok jadi kuning bila jerebu berlaku?" "Mungkin pokok ini tahu hari hendak kiamat!" Saya kata. *[Ketawa]*

Jadi, dia jatuh daun dan mengeluarkan bunga banyak-banyak. Bila dia keluar bunga banyak-banyak pokok di belakang rumah saya semua berbuah. Itu nikmatnya, Tuan Yang di-Pertua, pokok keluar buah. Jadi, orang tanya: "Kenapa pokok di belakang rumah you banyak keluaran buah oleh kerana jerebu?" Saya kata, tabiat binatang, cari pakar-pakar botanic di sini, tabiat pokok kalau dia kena ancam, pokok itu akan mengeluarkan benih untuk menyambungkan

zuriatnya. Ini pokok, menyambungkan zuriatnya, itulah sebabnya pokok-pokok yang hampir mati mengeluarkan bunga dan berbuah.

Ada satu pendapat mengatakan, kalau pokok tidak hendak berbuah, you pergi dekat pokok itu, kalau you tak berbuah I tebang you besok. Enam bulan berbunga, sebab dia takut kena tebang. *[Ketawa]* Tak sempat beranak, kata dia. Pokok berbunga dan berbuah. Ini tabiat pokok, oleh kerana ancaman fotosintesis tidak cukup, matahari tak cukup, dia mengeluarkan zuriat untuk berbunga dan berbuah semula. Bukan saya pakar, tetapi ada kemungkinan benar.

Jadi, saya juga mencadangkan sebagai pihak Asean kita mesti ada kerja serantau iaitu kerja serantau ASEAN dan kita patut menubuhkan satu sekretariat di ASEAN yang mana semua ahli ASEAN mempunyai wakil-wakilnya di sekretariat tersebut. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian kalau berlaku sesuatu kebakaran ataupun jerebu, masalah sensitiviti, masalah sovereignty, masalah komunikasi mungkin boleh diatasi. Ini saya percaya telah berlaku di Indonesia yang mana kita minta kebenaran masa terlambat sedikit dapat kebenaran orang kita masuk memberi pertolongan dan kalau kita ada mempunyai sekretariat ASEAN untuk malapetaka environment sedemikian, mungkin benda ini boleh di 'channel' menerusi itu disalurkan kepada negara yang tertentu mendapat kebenaran dan kita boleh menghantarkan pertolongan sama ada daripada negara kita ataupun pertolongan daripada negara-negara asing. Dan badan sekretariat ini juga mungkin juga boleh mengkoordinasikan badan ini kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai tindakan sejagat.

Dan garis panduan untuk pelan tindakan, ini pendapat saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pengalaman saya. Umpamanya, apabila darurat diistiharkan, biarlah darurat itu, kalau negeri macam Perlis ataupun Melaka, satu Melaka darurat okaylah, semua Melaka boleh darurat, tetapi di Kuching, API 835 tetapi di Miri masih 80 sahaja. Kalau kita declare darurat berlandaskan apa yang berlaku di Kuching, jadi, maknanya di Miri pun sudah jadi darurat, jadi apa arahan di Kuching terpaksa di forcekan di Miri. Jadi, kalau sepatutnya kalau darurat berilah leeway kepada negeri yang besar macam Sarawak agar darurat ini dicompartmentalisekan, di tempat-tempat, daerah dan bahagian-bahagian supaya industri macam Petronas dan LNG tidak diberhentikan oleh kerana darurat telah berlaku. Ini bilion akan kehilangan kalau kita biarkan industri begini dihentikan oleh

kerana darurat jerebu tertinggi ataupun malapetaka berlaku di Kuching dan di sana hijau biru langit boleh nampak kena darurat bersama. Jadi, saya berharaplah perkara ini boleh diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, pengeluaran akhbar-akhbar. Saya bukan hendak membendungkan pengeluaran akhbar-akhbar pada ketika darurat, tetapi banyak sangat pakar, macam yang berlaku di Kuching. Pakar yang pertama ada seorang hamba Allah namanya M.S. Sim, katanya, air dalam paip di Kuching semua tidak boleh diminum, contaminated oleh kerana haze katanya. Dan lepas itu tunjuk dalam gelas-gelas masuk dalam surat khabar dan lepas itu satu lagi keluar Madam Quek, masuk tunjukkan semua mineral water pun tidak boleh diminum sudah contaminated juga katanya oleh haze. Pakar ini bila kita selidik balik, pakar ini ada hubung kait dengan orang menjual distilled water punya mesin, dia kata beli distilled water itu yang lebih baik sekali.

Jadi, orang panik, beli mineral water, beli air semua tidak boleh minum lagi. Sebab panik oleh kerana surat khabar mengatakan air mineral water tidak boleh, paip tidak boleh, semua tidak boleh makan, semua mendatangkan kecelakaan ini. Jadi, datanglah orang yang macam mana Ahli Yang Berhormat dari Bandau katakan tadi, satu jam masuk dalam itu macam 60 cigarette, dari mana authority, mana researchnya, mana dia punya paper work yang menunjukkan benar benda ini berlaku. Jadi, kita tidak hendak pakar-pakar yang pretenders ini datang masuk surat khabar, ada kepentingan sendiri sama ada hendak menjual barang-barang ataupun tujuan politik. Jadi, kita tidak hendak pakar-pakar ini dihadkan pengeluarannya. Pengeluaran khabar daripada kerajaan ialah mesti dari masa ke semasa. Itu yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, tak panjang lagi. Lebih kurang lima minit. Saya berharaplah oleh kerana dalam bahasan semalam, saya berterima kasih dengan Ahli Yang Berhormat dari Machang yang menekankan persoalan undang-undang, ini Ahli Yang Berhormat dari PAS yang menyebut soalan undang-undang. Masa 19 haribulan darurat diisytiharkan di Sarawak, Jakarta biru, crystal clear, tetapi orang sembahyang hajat, beribu-ribu manusia di Jakarta sembahyang hajat, kawan saya baru balik daripada Jakarta pada hari itu. Sembahyang hajat meminta supaya kebakaran di negara mereka dapat dihentikan, tetapi PAS cakap sahaja tak buat. Orang sepatutnya berlandaskan nama Tuhan, yang mempromote agama ini sepatutnya sudah buat dah, bila negara kita terkena macam ini, kita ambillah

tindakan yang seboleh kita buat. Kumpulilah orang di masjid-masjid, di kawasan saya sudah beri seruan, saya buat di setiap surau di kawasan saya bersembahyang hajatlah, kalau tak boleh buat lain, buatlah sembahyang hajat, kita tidak dapat beli meter, tak dapat tidak apa. Kita tak dapat beli topeng muka tak apa, sembahyang hajatlah. Jadi, apa yang kita boleh buat, kita buat. Jadi, saya berharaplah undang-undang kita transboundary happening, jerebu ini kebakaran di Indonesia, asapnya datang ke negara kita. PAS kata, kenapa tidak ambil tindakan, Ahli Yang Berhormat dari Machang quite rightly answered, ini benda berlaku di Indonesia, macam mana kita hendak bawa orang Malaysia saman dekat sini ataupun bawa di mahkamah sini, kita tak ada undang-undang yang macam itu.

Jadi, saya maafkan jugalah, oleh kerana tidak ada mempunyai pengetahuan undang-undang yang sedemikian, saya maafkan Ahli Yang Berhormat dari PAS semalam. Ahli Yang Berhormat dari Machang sudah beritahu dia, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya hendak cadangkan undang-undang kita patutlah dibubarkan semula, beri peruntukan yang pertama ialah transboundary happening mesti diadakan extra territorial law untuk mengatasi masalah.

Tuan Yunof Edward Maringking: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tuan bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya minta penjelasan dari sahabat saya dari Batang Lupar mengenai undang-undang. Kita boleh buat andaian bahawa penanaman drug ataupun dadah ini juga datang dari luar, tetapi kita boleh kenakan tindakan kalau kesannya itu ada di dalam negara kita. Jadi, tidakkah boleh kerajaan membuat pertimbangan untuk mengadakan undang-undang untuk mengenakan tindakan kalau rakyat kita pun aktiviti mereka di luar negara itu boleh mendatangkan kesan yang memudaratkan keadaan negara kita, tidakkah wajar kerajaan mempertimbangkan sesuatu untuk menangani masalah ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu, tetapi saya hendak beri satu soalan. Tahun 1984 ada orang buat bombing satu kawasan hendak binakan satu bangunan tinggi di Kuching. Apabila dibom, jadi, rumah kedai kurang lebih 300 ela daripada itu terpecah. Jadi, peguam untuk rumah kedai ini hantar surat dengan orang yang buat bom itu tuntutan kerugian rumah kedai sudah pecah.

Jadi, peguam untuk bangunan rumah yang kena bom ini hantar balik surat, katanya: "Okay you hendak saman I di bawah principle of Ryland v Fletcher", kalau tidak salah, tetapi jawapan dia tanya: "Can you tell me, what has escape from this bombing to your area?" Jadi, see you in courtlah, kata dia. Sampai sekarang perkara itu tak pernah datang ke mahkamah.

Jadi, soalan Ahli Yang Berhormat kalau sepuluh syarikat bakar di Indonesia. Kita tidak tahu kebakaran asap daripada kebun mana yang datang ke Sarawak ataupun yang datang ke Kuala Lumpur, itu satu masalah daripada ini. Jadi, saya berharaplah kalau ada undang-undang macam ini hendak difikirkan, kena kena selidik sedalam-dalamnya daripada cashflow dan undang-undang yang ada di negara kita supaya lebih berkesan, jangan jadi satu mockery kepada penggubalan undang-undang yang mungkin habis-habisnya tidak boleh, kerana Jelutong akan tampil ke mahkamah cari pembelaan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah saya bercakap, saya hendak beri peluang dengan kawan-kawan lain yang hendak bercakap, saya haraplah pihak DAP berilah kesedaran dan tingkatkan sedikit kredibiliti itu, janganlah dipolitik perkara-perkara gejala ataupun malapetaka yang menimpa negara dan kita bersama bersatu padu di belakang kerajaan untuk menolong kerajaan dan membantu rakyat, jangan politikkan satu-satu isu dan jari tunjuk menunjuk ke sana sini, Yang Berhormat kata-kata pepatah Melayu mengatakan, 'menarik benang di dalam tepung, benang jangan putus, tepung jangan berciciran', perhubungan ASEAN juga kita jagakan dan tindakan kerajaan janganlah kita perkecilkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Senai.

4.47 ptg.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan terhadap Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hari semalam terhadap pencemaran jerebu.

Tuan Yang di-Pertua, pencemaran jerebu yang sedang dihadapi ataupun dialami telah mengancamkan kehidupan harian kita. Ancaman jerebu juga melanda tanah air kita pada tahun 1991 dan 1994. Akan tetapi kali ini boleh dikatakan di tahap yang paling serius. Sejurus selepas peristiwa

1994, satu mesyuarat antara anggota-anggota ASEAN peringkat menteri telah diadakan di Kuching, Sarawak. Satu persetujuan demi menjaga kepentingan negara jiran dicapai. Mesyuarat itu menganggap pencemaran debu yang disebabkan oleh jerebu adalah masalah rantau bersama dan harus diatasi bersama tanpa mengira sempadan memandang kita adalah rantau yang mempunyai sistem ekologi yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, selepas masalah pencemaran jerebu yang berlaku pada tahun 1994, ASEAN telah bersetuju dengan formulasi satu pelan tindakan iaitu Asean Corporation Plan On Transboundary Pollution, dengan izin dan ini telah juga termasuk tujuan untuk mencegah dan mengawal pencemaran jerebu. Akan tetapi malangnya, Kerajaan Indonesia gagal mematuhi persetujuan itu.

Satelit menunjukkan kebakaran hutan rimba di Kalimantan dan Sumatera berlaku sejak bulan Jun lagi. Kerajaan Indonesia tidak mengambil tindakan yang sewajarnya sehingga keadaan tidak dapat dikawal lagi. Tindakan hanya diambil pada bulan Ogos tetapi pada masa itu, jerebu telah memenuhi tanah air kita.

Pembakaran terbuka merupakan cara yang lazim digunakan untuk membersihkan hutan bagi menyediakan tanah pertanian di Indonesia. Mereka melakukannya tanpa mengambil kira jiran mereka. Oleh itu, pelan tindakan yang dipersetujui selepas tahun 1994 itu diformulasi untuk memastikan Indonesia mendidik rakyat mereka dan membangkitkan kesedaran di kalangan petani dan pengusaha mereka supaya tidak akan melakukan cara memarang dan membakar semasa membersihkan hutan. Saya dengan kecewa ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak Indonesia gagal melaksanakan pelan tindakan tersebut dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kami dilanda oleh pencemaran jerebu, langkah yang diambil oleh kerajaan kita adalah bersikap positif. Kami tidak berusaha untuk mencari scapegoat ataupun menyalahkan negara jiran kita seperti taktik yang sentiasa digunakan oleh pihak pembangkang. Kerajaan kita memahami bahawa untuk menyelesaikan masalah pencemaran jerebu, kami perlu mengawal serta memadamkan pembakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera. Kerajaan kita telah menggunakan ahli bomba kita lebih daripada 1,000 orang ke hutan dalaman di Riau dan Jambi, kedua-dua kawasan ini di Kalimantan dan Sumatera

selatan. Kesemua perbelanjaan ini dibiayai oleh negara kita sendiri.

Di samping itu, kerajaan kita juga mengambil langkah pencegahan yang positif untuk mengurangkan pencemaran jerebu di negara kita. Undang-undang Alam Sekitar telah dilaksanakan dengan lebih ketat supaya mengurangkan pencemaran udara oleh sumber lain.

Tuan Yang di-Pertua, segala usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan perlu mendapatkan sokongan sepenuhnya oleh rakyat jelata. Akan tetapi kepada pihak Indonesia, saya memang berasa dukacita dan kecewa terhadap kelewatan mereka untuk mengambil apa-apa tindakan yang positif. Pada awalnya pihak Indonesia menyalahkan syarikat Malaysia yang melakukan kerja pembakaran hutan itu dan kemudiannya menyalahkan cuaca dan sebagainya. Kegagalan Indonesia melaksanakan pelan tindakan yang telah dicapai itu dengan berkesan tidak dapat lari dari tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah jerebu ini telah menyusahkan rakyat kita. Kita mahu udara yang segar, kita mahu langit yang biru, tambahan pula kita perlukan badan yang sihat. ASEAN perlu mengambil pendirian yang tegas untuk mengatasi masalah ini kerana ia bukan lagi masalah dalaman negara, tetapi masalah rantau. Indonesia gagal mengawal industri balak dan pertanian yang membakar hutan rimba sewenang-wenang akan mengukar-kacirkan sosial, ekologi dan ekonomi negara kita. Masyarakat antarabangsa harus meminta Indonesia untuk bertanggungjawab atas masalah tersebut. Saya ingin merayu Kerajaan Indonesia agar bertindak lebih agresif dan memberi kerjasama yang sepenuhnya untuk mengawal kebakaran hutan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pencemaran jerebu telah mengancamkan kehidupan harian kita semua. Mengikut Profesor Dr. Osman Ali yang juga Presiden Persatuan Doktor Pakar Kesihatan Awam, golongan pembakar hutan lebih kejam dari perokok kerana perokok akan memberi kesan kepada jumlah orang yang kecil, sedangkan pembakar hutan ini bukan sahaja mengotorkan udara sebahagian besar Asia Tenggara tetapi juga bertanggungjawab terhadap kejadian penyakit yang mungkin dihadapi di masa hadapan seperti kesan rokok kepada manusia.

Kerajaan Indonesia harus juga mengambil pengalaman ini sebagai iktibar kerana masalah jerebu juga merugikan pihak Indonesia sendiri. Mereka perlu mengimplementasikan rancangan

atau pelan tindakan yang telah dipersetujui pada tahun 1994 itu dengan berkesan dan segera.

Pada akhirnya, saya menyokong penuh ke atas cadangan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang iaitu segala perasaan yang telah dilahirkan dan keputusan yang akan diambil di dalam Dewan yang mulia ini harus dapat dimajukan kepada pihak Indonesia dengan segera. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kubang Kerian.

4.55 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam menyokong Usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masalah jerebu yang melanda negara kita, saya akan mengambil masa yang pendek sahaja.

Jerebu yang melanda negara kita, semua kita telah tahu membawa kesan yang cukup besar, sama ada dalam bidang ekonomi, kegiatan harian dan lain-lain perkara yang kita semua menatap setiap hari di dalam akhbar, TV dan radio. Satu perkara yang tidak disentuh secara khusus ialah masalah Sukan Komanwel dan jerebu.

Baru-baru ini sepasukan daripada Australia telah datang ke Pulau Pinang untuk membuat latihan lari jarak jauh iaitu ahli-ahli sukan mereka yang akan menyertai Sukan Komanwel. Mereka tidak diberitahu keadaan cuaca di Malaysia ataupun mereka kurang maklumat, pasukan itu telah datang, akhirnya mereka hanya duduk dalam hotel sahaja, tidak berani keluar berlari kerana pada waktu itu jerebu sedang memuncak di negara kita khasnya di Pulau Pinang dan juga di sebelah pantai barat. Dan menurut jurulatih Australia itu, kalau jerebu ini berterusan sebulan, dua bulan lagi, kemungkinan Australia akan menarik diri daripada Sukan Komanwel terutama sekali pelari-pelari jarak jauh.

Kita tahu bahawa Sukan Komanwel tidak berapa bererti kalau pasukan seperti Australia, New Zealand, United Kingdom, Kanada, Afrika, Afrika Selatan, kalau negeri-negeri ini tidak menyertai maka kita akan kehilangan jaguh-jaguh yang akan mempamerkan kehandalan mereka. Pelari-pelari ini kebanyakannya badan mereka ada insurans, kaki mereka ada insurans, mereka dibayar oleh syarikat-syarikat besar untuk berlari dan sebagainya dan mereka amat jaga kesihatan mereka.

Sebelum mereka berlari, mereka datang membuat latihan bersama dengan pakar-pakar

mereka. Oleh itu, kalau jerebu ini berterusan sampai dua, tiga bulan lagi, ahli-ahli sukan ini tidak dapat membuat latihan, kemungkinan negara ini tidak akan mengambil bahagian dalam Sukan Komanwel. Kerajaan kita menjadikan Sukan Komanwel satu program yang begitu besar, yang akan menjulang nama Malaysia, tetapi kalau jerebu ini berterusan apa akan jadi dengan Sukan Komanwel.

Saya harap pihak kementerian dapat memberi jawapan langkah-langkah perlu yang diambil untuk menghadapi Sukan Komanwel bahkan bukan setakat ahli-ahli sukan, pelancong-pelancong pun tidak mahu datang ke Kuala Lumpur, sekarang ini begitu kurang kerana masalah jerebu ini dan menurut pakar-pakar sains pula bahawa jerebu ini akan beredar di sekitar bumi Malaysia dan Asia Tenggara di sekitar dua tahun dan Sukan Komanwel akan berlangsung lebih kurang 11 bulan daripada sekarang.

Jadi, benda yang Malaysia begitu bangga akan menganjur Sukan Komanwel, kemungkinan kalau tidak ada usaha yang bersepadu di Asia Tenggara ini, kemungkinan Sukan Komanwel akan menjadi terhalang. Oleh itu, perkara ini perkara yang besar kerana Kerajaan Malaysia, kerajaan kita telah berbelanja ratusan juta ringgit dan pihak-pihak swasta telah berbelanja ratusan juga ringgit untuk menaja Sukan Komanwel yang begitu besar yang memakan belanja mungkin bilion ringgit tetapi akan terancam dengan hadirnya jerebu di negara kita ini.

Di antara pakar sains, pakar geologi daripada Universiti Malaya iaitu Doktor Ameerudin, beliau berpandangan di antaranya yang menyebabkan jerebu ini terampai, terapung di negara kita kerana bumi kita panas sekarang ini iaitu tidak sesuai dengan aliran udara, bayangkan Cameron Highlands sahaja sudah naik 3 darjah celsius hasil daripada perbuatan manusia, pembangunan yang tidak seimbang menyebabkan bumi kita sekarang panas dan atas daripada lapisan awan juga panas, menyebabkan jerebu itu terapung tidak terangkat ke atas. Ini pandangan yang diberi oleh mereka yang pakar dalam bidang geologi.

Banyak pakar yang memberi pandangan tetapi pandangan mereka itu jangan lupa bahawa di antara kesilapannya bala daripada Allah ini berlaku di atas keangkuhan manusia itu sendiri, kedegilan manusia itu sendiri tidak mahu ikut peraturan yang boleh menyebabkan rosak muka bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah Sukan Komanwel, jangan lupa juga iaitu masalah binatang-binatang juga terancam dengan begitu

nyata sekali dengan kedatangan jerebu ini. Misalnya dalam akhbar *The Star* disiarkan bagaimana sejenis burung bangau membatalkan penerbangannya selama sepuluh hari iaitu setiap pagi pekerja Zoo Negara pergi ke tempat burung bangau itu membuka pagar, lalu burung bangau itu akan terbang pergi ke Klang, Shah Alam, Subang dan balik mendarat semula di Zoo Negara kira-kira waktu makan. Tetapi masa jerebu, pihak penjaga Zoo Negara buka pintu, burung bangau itu keluar, dia tengok ke langit, dia tidak jadi terbang, bukan MAS membatalkan 71 penerbangan, burung bangau membatalkan sepuluh penerbangan akibat daripada menurut pakar Dr. Zakaria daripada UPM iaitu burung-burung ini pancainderanya dipandu dengan bintang dan juga cahaya matahari. Bila bintang dan cahaya matahari tidak dapat dilihat maka burung ini membatalkan penerbangannya.

Satu lagi jenis haiwan yang kesannya cukup nyata ialah jenis burung helang. Burung helang dia makan cara menyambar, dia kena buka kepaknya dan terbang mencari mangsa sama ada tikus, ular, anak ayam dan sebagainya. Tetapi bila dia terbang, kepak sayapnya dia tidak nampak bahan makanan. Banyak burung helang mati di antara perairan Pantai Merdeka dengan Seberang Perai baru-baru ini.

Para nelayan memberitahu saya burung-burung banyak yang mati bila mereka melintasi sungai ataupun Pantai Merdeka kerana burung ini dia ada jarak penerbangannya. Burung merbah jarak penerbangannya beberapa kaki, burung helang beberapa batu dan burung ini bila dia nampak darat di sana, dia cuba terbang, tiba-tiba jerebu datang. Dia hilang arah, akhirnya dia habis tenaga dan jatuh ke dalam laut. Ertinya, unggas-unggas mulai mati sekarang ini. Ini satu perkara yang cukup besar, yang kita kena lihat bahawa ini baru berjerebu di sekitar 100 hingga 300, bayangkan kalau setakat 800 particle dalam udara selama sebulan, barangkali habis unggas di rimba. Dan sudah tentu malang lagi bagi orang yang bercinta, selalunya mereka kata, kita disaksikan oleh bulan dan bintang. Sudah lebih dua bulan, bulan dan bintang tidak kelihatan maka orang bercinta lihatlah kita disaksi oleh jerebu sekarang ini, sudah tentulah tidak membawa berkat paduan kasih mereka. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pula di sudut nelayan, kita dapati bahawa 90% nelayan-nelayan kecil di Selat Melaka tidak turun ke laut semasa jerebu tebal hari itu. Nelayan-nelayan kecil inilah yang membekalkan ikan kepada kita. Nelayan-nelayan besar sama juga jerung-jerung besar, jerung besar ditangkap di perairan antarabangsa, nelayan

besar menjual ikan di perairan antarabangsa dan nelayan besar pukat laut dalam ini mereka menjual ikan selalunya kepada negeri-negeri luar yang memberi tawaran harga yang lebih baik sama ada ke Singapura, ke Hong Kong, ke Taiwan ataupun mereka mendaratkan ikan di Songkla di sebelah Thailand.

Nelayan kecillah yang kebanyakannya membekal ikan kepada kita. 90% operasi bot nelayan kecil terjejas apabila berlaku jerebu hebat baru-baru ini, maka harga ikan sekarang ini kita lihat naik begitu mendadak sekali. Saya sebut tadi bahawa jerebu ini tidak lain bala daripada Allah daripada angkara perbuatan manusia, di antaranya perbuatan manusia sekarang ini hendak cepat kaya, hendak cepat untung sampai mereka tidak perlu ikut peraturan-peraturan, maka dilihat tanah di Indonesia itu murah, buruhnya murah, hendak untung cepat, maka tidak perlu lagi tebang dan tebas, terus dibakar sahaja. Malang sekali di antara yang melakukannya itu termasuklah beberapa buah syarikat daripada Malaysia.

Kritikan-kritikan antarabangsa terhadap orang-orang Asian iaitu sikap environment mereka, sikap mengambil berat masalah orang lain, sikap menjaga udara perlulah kita ambil secara positif bukan kadangkalanya kita terus melenting, menghentam, menghina orang-orang Barat ataupun penulis-penulis Barat yang menegur hal ini di kalangan negara ASEAN tetapi sebenarnya perkara ini memang berlaku di kalangan kita, di kalangan orang-orang Asian perkara ini perlu ditingkatkan lagi iaitu masalah public awareness, masalah menjaga perkara-perkara awam, perkara ini perlu dipertingkatkan. Jadi, hendak kaya cepat, mereka tidak perlu mengikut peraturan, akhirnya berlakulah bala yang kita rasai sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga kita dalam berunding dengan Indonesia, saya pernah sebut dalam Parlimen ini, walaupun tidak diakui oleh pihak pemerintah iaitu selalu bila berunding di antara sempadan dan sebagainya, kadangkalanya Indonesia lebih bersikap 'abang' dia melihat negeri-negeri lain sebagai adik dan dia berasa agak abang dan ego dan seolah-oleh mereka rasakan mereka 'spokesman' bagi ASEAN ini. Oleh itu, perasaan meletakkan Indonesia sebagai abang itu mesti diketepikan, mesti kita letakkan negara kita setaraf dengan Indonesia, jangan mereka letakkan mereka itu sebagai abang iaitu mereka boleh dictate, mereka boleh arahan ataupun mereka boleh tentukan arah tuju ASEAN ataupun arah tuju pemimpin negara-negara lain terutama sekali dalam rundingan-

rundingan sempadan kita memang dengar kadangkalanya perwakilan Indonesia seolah-olah menggertak perwakilan ataupun pihak Malaysia sama ada Kementerian Luar Negeri ataupun pihak Kementerian Dalam Negeri.

Dalam masalah jerebu ini kita mesti berdiri tegas dan menyatakan bahawa ini masalah ASEAN yang perlu diselesaikan bersama bukan masalah abang atau adik. Sekian, pandangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong.

5.07 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menghuraikan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menangani bencana jerebu yang berpunca daripada Indonesia di peringkat-peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Usaha-usaha untuk memadamkan kebakaran hutan, lahan dan gambut di Indonesia adalah terpenting sekali dan penghantaran pasukan Malaysia seramai lebih 1,000 orang ke Indonesia adalah menggalakkan. Saya melihat ada negara-negara seperti Singapura menghantarkan pasukan mereka, ini satu semangat ASEAN yang perlu dipupuk.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, di dalam Dewan yang mulia ini kita pun terjerebu juga. Saya dengar semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan mengatakan tidak ada jerebu di sini. Dan saya berharap Kementerian Kesihatan boleh memperbetulkan keadaan dan memberi nasihat yang tepat kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya tidak mengelirukan Dewan Rakyat ini.

Walaupun bagaimanapun, isu mengenai mengapa lebih satu dekad, walaupun beberapa langkah telah diambil untuk menyelesaikan bencana ini tetapi masalah berterusan sehingga tahun ini menjadi satu keadaan darurat di Sarawak dan juga masih menimbulkan krisis di seluruh negara dan rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha misalnya yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam mengenai inisiatif Malaysia mengadakan mesyuarat pada tahun 1995 untuk menggubal strategi bagi mengatasi pencemaran merentas sempadan khasnya jerebu. Satu pelan telah diwujudkan, sistem mengawasi dan mengenalpasti kebakaran hutan dengan awal, dengan izin, an early warning detection system,

melalui Institut Pengurusan Hutan Asean di Singapura telah disyorkan. Pada tahun 1990, negara ini telah berikhtiar melalui forum Asean Senior Officials on Environment (ASOEN) untuk memperkuat langkah-langkah pencegahan kebakaran tetapi ASOEN telah mengadakan mesyuarat di Cebu, Filipina dan Jakarta bulan lepas, entah berapa kali lagi bencana jerebu telah dibangkitkan di forum-forum ASEAN peringkat menteri tetapi kesannya tidak nampak. Itulah masalah, resolusi demi resolusi, keputusan demi keputusan di peringkat menteri forum-forum ASEAN telah diambil tetapi krisis dan darurat masih berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat demi mesyuarat, cadangan demi cadangan tersebut telah diikuti dengan bencana jerebu paling dahsyat tahun ini. Presiden Suharto kali yang kedua memohon maaf berhubung jerebu yang melanda Asia Tenggara, yang berpunca daripada kebakaran di Indonesia yang beliau anggap sebagai bencana alam yang belum pernah berlaku sebelum ini. Memang semangat kejiwaan dan sebagainya mesti dipelihara tetapi setakat memohon maaf tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, kelmarin tujuh menteri kabinet Indonesia memutuskan bahawa El Nino menjadi punca utama kepada bencana jerebu tersebut, El Nino yang menjadi punca utama, maklumlah Tuan Yang di-Pertua, El Nino merupakan satu bencana alam yang meningkatkan suhu permukaan air laut kawasan khatulistiwa di Laut Pasifik timur. Adakah bencana ini berpunca daripada kelemahan-kelemahan manusia ataupun El Nino? Bukankah bencana ini disebabkan oleh kelemahan-kelemahan yang wujud di Indonesia dan ditokok tambahkan dengan kesan El Nino.

Lebih 1,000 tempat kebakaran yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedang berlaku di Indonesia dengan keluasan tanah hutan yang terbabit lebih 800,000 hektar seperti yang telah pun disebutkan oleh pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, memperlihatkan jerebu masih berterusan dan tempohnya mungkin boleh sampai ke bulan April tahun depan, kalau El Nino ini berterusan satu tahun lagi mungkin akan sampai satu tahun lagi dan dengan itu saya mengesyorkan supaya diadakan satu sidang jerebu tergepar para pemimpin tertinggi negara-negara terjerebu ini. Sidang ini hendaklah meliputi Perdana Menteri Malaysia, Perdana Menteri Singapura, Perdana Menteri Thailand, Presiden Filipina, Sultan Brunei dan Presiden Suharto. Di sidang jerebu tergepar

ini, para pemimpin negara-negara terjerebu dapat membuat keputusan yang berkesan terhadap cadangan-cadangan penyelesaian jerebu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah memastikan tidak berlakunya inaction atau kekurangan tindakan yang berkesan dan perasaan mudah puas hati, complacency, dengan izin, di Malaysia terhadap pencemaran alam sekitar termasuk pencemaran yang merentas sempadan. Sekiranya pencemaran yang teruk berasal dari Malaysia, mungkin Perdana Menteri Malaysia terpaksa memohon maaf kepada negara-negara jiran seperti mana yang dilakukan oleh Presiden Suharto. Kita tidak mahu menyaksikan Perdana Menteri Malaysia meminta maaf sedemikian.

Kita haruslah mempertingkatkan usaha mencegah segala jenis pencemaran air, udara dan darat. Setakat ini Jabatan Alam Sekitar telah mengambil beberapa langkah seumpama pelan tindakan udara bersih yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam, kempen-kempen pemeriksaan kes pencemaran, pembinaan lebih banyak stesen kualiti udara. Akan tetapi, usaha-usaha masih tidak mendatangkan keberkesanan yang diharapkan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, semua undang-undang dan kaedah-kaedah untuk mencegah pencemaran wajib disempurnakan untuk mengawal dengan berkesan kualiti udara, keadaan pembukaan tanah, semua sumber semula jadi termasuk tanah, air di muka dan di bawah tanah, flora, fauna, kepelbagaian biologi dan keutuhan ekologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa kerajaan mestilah mengumumkan jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menyelidik kesan-kesan jerebu ke atas orang-orang Malaysia. Walaupun kerajaan sudah mengatakan keperluan untuk menyiasat isi kandungan jerebu dan kesan-kesan ke atas manusia dan pakar-pakar dari luar negara akan datang ke Malaysia. Semalam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan benda-benda yang mungkin didapati, kerana kita belum tahu lagi apakah bendanya, benda-benda yang mungkin didapati dengan jerebu seperti particulate matters, plumbum, karbon monoksida, nitrogen dioksida, sulfur dioksida dan ozon.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa kita tidak tahu apakah isi kandungan jerebu, di Kuala Lumpur sekarang ada peringkat tidak sihat, lebih 155 mata sekarang dan masuk di dalam Dewan

yang mulia ini paras indeks pencemaran udara IPU ialah lebih 150 mata di dalamnya dan Tuan Yang di-Pertua pun sama-samalah kita menikmati paras IPU yang tinggi ini di dalam Dewan yang mulia ini termasuk Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, kita sama-sama menikmati jerebu. Apakah kesan ke atas kita?

Tuan Yang di-Pertua, contohnya, particulate matters yang kurang daripada 10 micron boleh menyebabkan sakit mata, konjunktivitis dan sakit tekak. Dan saiz particulate matters ini yang 4 micron boleh meresap ...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Yan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia hendak bertanya!

Dr. Tan Seng Giaw: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Sakni! [Ketawa] Sakni itu bahasa Kedah. Sakni! Ya, daripada Yan. Sakni.

Seorang Ahli: Sakni itu apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Siapa lagi? Tanyalah Yan dahulu ya. Dan saiz 4 micron meresap masuk ke paru-paru. Kesannya adalah termasuk kanser. Dan kita belum tahu lagi bila kanser akan timbul, mungkin dua tahun lagi, lima tahun lagi, sepuluh tahun lagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ini adalah satu persoalan. Saya bukan seorang doktor. Jadi, saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana dia adalah pakar kulit. Adakah keadaan jerebu ini juga akan melibatkan sakit kulit dan seandainya melibatkan sakit kulit, saya kira Ahli Yang Berhormat lebih beruntung kerana mempunyai klinik sakit kulit [Ketawa] dan saya dapati Ahli Yang Berhormat simpan rambut panjang, adakah kerana mengelakkan sakit otak kita buat rambut panjang? [Ketawa] Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soal itu tidak timbul. Jadi, dengan karbon monoksida dan sulfur dioksida dan nitrogen dioksida memang ada menjejaskan kulit juga dan rambut panjang sedikit kerana kita sibuk hendak kempen untuk melancarkan kempen tandatangan kerana jerebu juga.

Tuan Yang di-Pertua, kalau karbon monoksida selain daripada kesan ke atas kulit

Tuan Chia Kwang Chye [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana Pulau Pinang hendak tanya, Pulau Pinang pun sekarang 150 juga mata IPUnya.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sebagai seorang pakar kulit berkaitan di antara masalah jerebu dengan penyakit kulit, adakah benar bahawa jerebu ini boleh merendahkan ultra violet rate dan dengan ini boleh merendahkan kejadian kanser kulit.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, ini Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Bukit Bendera itu rendah sahaja itu, kalau dibanding dengan Gunung Kinabalu sangat rendah, sebab dia rendah tidak boleh nampak apa kesan, terlalu rendah. Walau bagaimanapun, jerebu ini tidak tinggi sangat, dia rendah, misalnya kalau ozon di atas Antartika, ia memang tinggi di atmosfera dan dengan itu bila mentari masuk, dia ditapis oleh ozon kerana atmosfera kita menapis sinaran-sinaran daripada mentari. Dan ultra violet light masuk ke atmosfera sampai ke bumi itu hanya 1/24th of a million.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Betulkah ini? [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: 1/24th of a million, tetapi ia memang sangat tinggi, bukan seperti di Bukit Bendera, dia rendah, jerebu itu setakat itu sahajalah. Tingginya di atas bumi Bukit Bendera macam itu sahaja. Jadi, tak jadi apa-apa, ini menjejaskan rantau ini, negara-negara ASEAN yang terjerebu sahaja tetapi bukan menjejaskan negara-negara yang lain, itulah masalah tidak sampai tinggi sangat untuk kesan yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai karbon monoksida yang bukan sahaja berkesan ke atas kulit bahkan kesan keseluruhan badan, ia boleh bercampur dengan haemoglobin manusia menjadi carboxyl

haemoglobin dan oxyhaemoglobin tidak boleh wujud dan boleh jadi sakit kepala, rasa mual, muntah, kerosakan jantung dan otak. Ini masalah dan banyak lagilah, Tuan Yang di-Pertua, termasuk plumbum juga boleh menjejaskan haem dan globin dan tulang jika plumbum di dalam darah seseorang manusia melebihi 800 mikrogram satu liter, maka pelbagai masalah boleh timbul seumpamanya anorexia, rasa mual, muntah, sakit perut, sembelit, anemia, kerosakan urat saraf dan keradangan otak.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, banyak lagilah boleh berlaku mengenai benda-benda bisa di dalam jerebu ini termasuk ozon yang boleh juga selain daripada yang penting untuk manusia kerana ozon di atas Antartika boleh menapis ultra violet light dari mentari, tetapi ozon adalah bisa untuk paru-paru dan otak juga.

Tuan Yang di-Pertua, maka adalah peri mustahaknya bagi kerajaan untuk menyelidik kesan-kesan jerebu ke atas rakyat Malaysia dan saya berpendapat bahawa kerajaan perlu mengumumkan jawatankuasa untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai IPU walaupun kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pernah mengatakan IPU kita telah diiktiraf oleh Badan Kesihatan Dunia (WHO) walaupun ada pengumuman demi pengumuman tetapi pertikaian mengenai IPU masih wujud, terutamanya bila rakyat Malaysia melihat IPU di negara-negara jiran termasuk Singapura tidak serupa dengan IPU di Malaysia, maka keraguan timbul.

Adalah baik bagi pihak kerajaan bagi Jabatan Alam Sekitar untuk mengadakan setahu saya 27 stesen kualiti udara dan akan ditambahkan lagi menurut Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebanyak 23 stesen kualiti udara lagi di seluruh negara, itu memang baik dan kita perlu buat tetapi bagi saya kementerannya patut menyeragamkan IPU dengan negara-negara jiran supaya tidak timbul keraguan.

Saya percaya ini boleh dibuat di peringkat ASEAN dengan banyak forum, banyak mesyuarat, persidangan ASEAN kita boleh wujudkan satu IPU yang seragam untuk rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah kerugian yang ditanggung oleh rakyat Malaysia bukan sahaja daripada segi kesihatan bahkan juga dari pelbagai segi.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya kilang-kilang dan juga di Sarawak kalau menurut Ketua Menteri

Sarawak, saya pun bingung juga kalau menurut 'batang yang terlupa' tadi, dia kata, Ketua Menteri pergi ke Amerika Syarikat pada masa darurat 19 September tetapi pakar-pakar yang dipelawa itu akan datang satu bulan kemudian. Jadi, saya pun hairan jugalah masalah masa dan tempoh

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Richard Riot Anak Jaem: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dua orang bangun Yang Berhormat.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Beri kepada Serian dahulu. Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong sedar bahawa pakar-pakar dari Jepun sudah pun berada di negeri Sarawak seminggu yang sudah. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, betullah dia ada seminggu, tetapi yang lain Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa ini dia kata, sedikit masa lagi akan tiba, pakar-pakarnya tetapi di mana yang betul. Nampaknya di Sarawak itu Ahli Parlimen memang bercanggahlah pendapatnya.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Itu tidak betul!

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupa bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, yang pertama saya hendak buat pembetulan. Saya tidak kata pakar datang sebulan lepas itu, lepas itu Ahli Yang Berhormat itu saya fikir Ahli Yang Berhormat yang lurut, nampaknya Ahli Yang Berhormat dengan Tanjong, Kota Melaka semua Mr. twisters, orang kata satu, you kata satu, tolonglah fakta yang betul sebutkan. Saya tidak masalah orang bawa nama saya batang lupakah, spelling pun sudah salah. Jadi, fakta itu perbetulkan, jangan di twist and turn benda itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, twist and turn itu, saya nampaknya bukan orang lain, Ahli Yang Berhormat batang terlupa sahaja, saya ada catat di sini, dia kata, ya, pakar-pakar sekarang baru akan datang. Bingung sayalah. [Ketawa] Dan kita boleh semak *Hansard* besok atau lusa, kerana sekarang hendak dapat *Hansard* susah kerana kekurangan penyunting dan pemberita di Parlimen.

Musim jerebu juga ada musim jerebu dengan penyunting-penyunting Parlimen kerana kekurangan kakitangan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, Ketua Menteri Sarawak kata dia di Sarawak dengan sepuluh hari darurat itu maka kerugian RM1 bilion mungkin lebih.

Walau bagaimanapun, dari segi pelancongan di negara ini tiap-tiap tahun kita dapat meraih pertukaran asing lebih kepada RM10 bilion untuk pelancongan dan di Asia Tenggara hampir AS\$36 bilion satu tahun. Dan kalau dengan bencana jerebu ini bilangan pelancong akan kurang - kurang sampai 40%, 50% dan tahun ini mungkin di sektor pelancongan, Malaysia akan menampung kerugian, mungkin kekurangan tukaran asing sampai RM2 bilion, RM3 bilion, RM4 bilion, mungkin! Itu dari sektor pelancongan sahaja. Ada sektor-sektor yang lain - pembuatan, manufacturing terutamanya kilang-kilang yang terpaksa tutup dan sebagainya.

Saya mencadangkan supaya kerajaan menilai semua kerugian daripada pelbagai aspek. Mungkin kita dapati satu kerugian berjumlah RM100 bilion, mungkin! Atau RM10 bilion yang ditampung oleh Malaysia. Semangat kejiranan dengan Indonesia, maka menimbulkan satu situasi di mana pihak kerajaan terpaksa mempertimbangkan dengan masak-masak bagaimana hendak menuntut kerugian sebesar ini. Kalau Singapura pun menuntut, Thailand, Filipina dan Brunei, maka dahsyatlah akibatnya dan sebab itulah saya nampak ada menteri-menteri di Indonesia mengatakan bahawa ini disebabkan oleh El Nino.

Walau bagaimanapun sebelum saya akhiri ucapan saya, saya menyeru supaya pihak kerajaan mentafsir dan menilai jumlah kerugian yang akan ditampung oleh Malaysia akibat bencana jerebu ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Santubong.

5.34 ptg.

Puan Rohani binti Abd. Karim [Santubong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan di sini ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang sangat prihatin sehingga mengisytiharkan darurat jerebu di Sarawak pada 19 September yang lalu. Tidak lama selepas itu sampai pula ke tahap indeks 839. Memang ingin dirakamkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, keadaan di Sarawak sangat membimbang-

kan dan keadaan panik juga terasa di kalangan rakyat tetapi ini adalah satu perkara yang kita merasa. dengan izin, helpless - tidak dapat atau tidak tahu hendak berbuat apa-apa.

Memang disokong dan diseru di sini agar Kerajaan Indonesia mengambil langkah yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah kebakaran secara meluas dan terbuka khasnya di Kalimantan dan juga di Sumatera dan ingin saya juga tampil bersama-sama menyokong rakan-rakan yang telah berucap sebelum ini supaya kita memutuskan satu resolusi atau usul dari Dewan yang mulia ini kepada Kerajaan Indonesia termasuk kepada Dewan Perwakilan mereka atas betapa cemasnya kita dengan keadaan jerebu ini. Ini juga sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada ekonomi negara. Di Sarawak, dalam tempoh sepuluh hari itu beberapa hari telah berlalu dengan tiada kapal terbang keluar dan masuk. Masa itulah kita melihat khasnya penduduk di Kuching teringin sangat hendak melihat kapal terbang dan hari-hari bertelefon bertanya adakah tidak kapal terbang masuk dan keluar daripada negeri Sarawak.

Jadi, perasaan cemas sangat terasa tetapi saya ingin merakamkan di sini satu perkara yang menambah lagi kecemasan bila disebutkan bahawa, dengan izin, evacuation akan berlaku. Saya ingin menyeru di sini bahawa sebelum apa-apa keadaan tertentu berlaku, janganlah digunakan perkataan-perkataan yang mencemaskan di mana pada masa perkataan 'evacuation' disebut atau diumumkan, penduduk-penduduk di negeri Sarawak, masa itulah betul-betul kelihatan panik dan cemas. Mungkin rakan-rakan saya yang sama berada di sini akan menyokong saya bahawa pada masa itu kita melihat rakyat atau penduduk-penduduk di Sarawak menyerbu masuk ke kedai-kedai hendak membeli beras dan gula sehingga boleh dikatakan harga pun melonjak naik dan di mana dengan pelbagai cerita keluar dalam surat khabar harga air mineral telah melambung begitu tinggi dan tambah pula dengan masalah topeng-topeng muka pun tidak cukup.

Jadi, saya rasa di sini saya ingin menyeru sebab banyak perkara jerebu ini telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, saya ingin menyeru di sini kepada pihak kementerian atau pihak-pihak yang berkuasa dari segi bencana jerebu ini untuk mengadakan satu garis panduan iaitu tatacara atau tingkah laku yang harus kita hadapi semasa kita hendak menghadapi masalah jerebu sebab keadaan jerebu ini adalah satu keadaan di mana kita tidak tahu apa hendak dibuat. Kalau bencana banjir, kita faham akan aspek perpindahan

sebab kita pindah ke tempat yang lebih tinggi tetapi kalau dikatakan 'evacuation' atau berpindah dalam segi hal jerebu, hendak pindah ke mana dan bermacam-macam lagi persoalan yang telah ditimbulkan. Jadi, yang menjadi isu pada masa ini atau pada masa bila 'evacuation' disebutkan adalah dari mana kita hendak pindah, ke mana kita hendak pindah, bagaimana kita hendak memindahkan seluruh rakyat Sarawak. Jadi, itu yang sebenarnya menimbulkan perihalan panik atau kecemasan daripada penduduk-penduduk di Sarawak.

Jadi, oleh yang demikian, saya ingin menyeru di sini supaya kita lebih berhati-hati di dalam mengumumkan sesuatu yang boleh menimbulkan lebih perasaan cemas penduduk-penduduk. Sebenarnya semasa pengumuman darurat ramai penduduk bertanya-tanya apa kita hendak buat. Jadi, disarankan supaya semua penduduk masuk dalam rumah dan jangan berkeliaran di luar oleh kerana jerebu tetapi itu adalah satu gejala ramai di antara kita belum faham akan hakikatnya bagaimana kita hendak mengatasi keadaan berjerebu. Jadi, oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada pihak kementerian dan pihak-pihak yang tertentu sebelum mengisytiharkan darurat, mengadakan satu garis panduan yang boleh meminimumkan perasaan cemas penduduk-penduduk yang terlibat, langkah-langkah yang perlu diambil sebelum diisytiharkan darurat dan langkah-langkah yang diambil selepas diisytiharkan darurat. Sebab pada masa itu kita boleh nampak banyak perkara yang terjadi akibat panik dan bukan akibat jerebu.

Dan juga saya ingin menyerukan di sini, Tuan Yang di-Pertua, supaya isu jerebu ini diatasi dengan mengadakan, mungkin, seminar di rantau Asian dan memanggil pakar supaya ianya dapat disalurkan kepada semua pihak yang tertentu dan bahkan juga bukan setakat di rantau Asian tetapi juga di seluruh dunia sebab perkara ini mungkin pada masa ini berlaku di kawasan Asia tetapi mungkin perkara ini boleh berlaku di tempat-tempat yang lain supaya ianya dapat dijadikan satu panduan kepada negara-negara yang lain. Dan ingin juga saya menyerukan di sini khasnya kepada pihak pembangkang, janganlah dipolitikkan keadaan-keadaan ini sebab isu pada masa ini adalah jerebu, jadi janganlah dipolitikkan keadaan-keadaan ini sebab kita mesti mengatasi masalah-masalah jerebu.

Dan satu lagi yang ingin saya tegaskan di sini bahawa keputusan pihak-pihak yang mengambil keputusan (decision makers) telah mengambil satu masa yang panjang untuk melaksanakan sesuatu tindakan mengatasi masalah ini dan oleh yang

demikian, saya ingin sarankan di sini supaya mereka yang mengambil keputusan supaya bertindak secara cepat dan mungkin ini dapat dihubungkan juga kepada garis-garis panduan yang harus kita patuhi sebelum dan selepas kita mengisytiharkan bencana atau darurat, masa untuk mengatasi bencana jerebu. Jadi, saya serukan di sini supaya kementerian dapat memasukkan dalam agenda cara-cara untuk mengatasi masalah jerebu di persidangan-persidangan pada masa ini dan juga di masa-masa akan datang di kalangan negara-negara ASEAN dan juga di persidangan-persidangan yang melibatkan negara-negara yang lain yang mungkin ada pakar-pakar tertentu yang dapat membantu kita untuk mengatasi masalah jerebu itu.

Dengan kata-kata yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan.

5.42 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila Allah Subhanahu wataala mencipta dunia ini, alam sekitar ini, Tuhan ini dia buat sudah cukup. Lengkap dengan bukit bukaunya, dengan sungainya, dengan daratannya, dengan lautan dan sebagainya. Ini semua dicipta oleh Allah yang maha kaya untuk manusia dan juga makhluk-makhluk lain di atas muka bumi. Dia tetapi akhir-akhir ini manusia juga yang lalai, leka, alpa hinggalah menjadi pelbagai bencana - banjir dan jerebu hari ini dan sebagainya.

Kadang-kadang manusia menyalahkan Tuhan balik mengatakan ini adalah takdir Tuhan buat dan sebagainya, sedangkan Tuhan sendiri dalam Al-Quran - saya kurang ariflah tetapi Dato' Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada, dia lebih arif - ada ayat-ayat yang mengatakan "Aku jadikan bukit bukau ini sebagai paku dan pasak kepada muka bumi ini", kita pergi redas bukit itu, pi rebah bukit itu buat kondominium atas bukit, jadi bila hujan dan bah kita salahkan pula Jabatan Parit dan Saliran, tidak jaga! Hendak jaga macam mana, tidak ada sekatan dah. Begitu juga sungai, kadang-kadang kita kaji sungai yang Tuhan cipta asal usul dia itu, Tuan Yang di-Pertua, bengkok bengkok supaya ayak (air) dia turun mai itu - Kepong, ini bahasa Kedah [Ketawa] - ayak dia turun mai itu Tuan Yang di-Pertua, dia tersekat-sekat tetapi kita manusia hendak bagi elok buat bagi betul, dah itu bila hujan mai, ayak kuat lagi deras turun.

Jadi, Tuhan dok cipta ini elok dah, manusia kadang-kadang lalai. Begitu juga kebakaran, hari

ini kerana kebakaran di Indonesia telah menyusahkan dan menyulitkan berjuta-juta rakyat. Jadi, saya mintalah bapak-bapak ataupun kepala bapak yang ada di Indonesia itu fikir. Susah kita ini, kalau sekadar Presiden Suharto minta maaf bagi saya tidak boleh! Hendak minta maaf macam mana, kita di sini kadang-kadang macam di Sarawak dulu bersembang kena bawa torch light, Tuan Yang di-Pertua - tidak kenal, jerebu! Ini sembang dekat-dekat pun saya difahamkan kena bawa torch light suluh muka. Banyak yang jerebu *[Ketawa]*.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tumpat bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Amboi, ada lagi! *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ada, sedikit sahaja. *[Ketawa]* Yang disebut 'kepala bapak' itu apa maksudnya. Saya rasa perkataan lucu dan mesti ditarik kembali.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Hai.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: 'Kepala bapak' itu makna apa? Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa lucu pula? Lailahailallah! Ini sekolah Arab mana ini? *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, bapak-bapak ini di Indonesia dia panggil pemimpin-pemimpin, kepala pemimpin itu 'kepala bapak'lah - kepala kepada pemimpin-pemimpin!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Bangun lagi? *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Haji Wan Mahmood: Sebenarnya 'kepala bapak' itu mengikut kamus Indonesia itu ialah kemaluan lelaki. Saya harap Yang Berhormat tidak akan sebut lagi lain kali.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap di Malaysia, saya guna bahasa Malaysia bukan bahasa Indonesia pak! Bapak kurang faham, *[Ketawa]* Dia tidak faham, buat apa bahasa Indonesia bawa masuk mai Parlimen Malaysia. Oh, kalutlah lagu ni, patutlah

dia pakai kopiah hari ini. *[Ketawa]* Hendak tengok macam muka Sukarno. *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Indonesia kena mengambil tindakan, ini pasukan bomba kita sukarela Tuan Yang di-Pertua, tinggal anak bini, keluarga semua hendak masuk hendak tolong padam api depa pun makan masa seminggu. Ini apa dia kerjasama yang kita kata sepakat ini? Sepakat rantau Asia, bila sepakat kita hendak tolong pergi padam api dia. Kalau rumah kita api tengah menyala, Tuan Yang di-Pertua, orang nak mai tolong kita tolong sungguh, kita bagi, hang pa tolonglah, tak dan dah ni! Ini, kita hantarlah dengan bomba kita naik kapal pergi sana, dahlah makan depa tidak beri kita bawa tak pa, kita bawa pi hendak tolong padam api kat negeri depa pun, seminggu tidak boleh masuk lagi. Bukan kita hendak pergi ambil alih negeri Indonesia itu, tidak! Hendak tolong pergi padam api, jadi hendak harap dengan orang - saya tengok dalam surat khabar - bawa pot kecil hendak pergi jirus api itu Tuan Yang di-Pertua, bila tahun hendak padam? Dengan seluar pun tidak ada dalam surat khabar *New Straits Times* saya baca. Rentung habis hak depa itu dahulu, main dengan api itu. *[Ketawa]* Orang jenis apa itu entah, ada dalam surat khabar *New Straits Times* tunjuk, bawalah pot kecil, timba kecil hendak pi jirus api supaya padam, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya minta kepada pemimpin Indonesia supaya depa lebih prihatin, sungguhpun depa menghadapi masalah depa tidak apa Tuan Yang di-Pertua, rakyat beribu juta, kita sedikit sahaja. Tadi dengar Kepong cerita macam-macam, sama ada betul atau tidak saya, wallahualam, saya bukan saintis - lapis itu, lapis ini, macam-macam lapis ada hingga kita pun tidak faham. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya hendak tanya, Kepong ini dia Doktor kulit, dia ingat jerebu ini macam lapisan kulit juga. Itulah dia cerita ada lapis satu, lapis dua, lapis tiga, semua lapisan kulit. Dia ingat jerebu ini macam kulit dalam pengajian oleh Doktor Kepong. Macam mana Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dalam kawasan dia Tuan Yang di-Pertua, jerebu asap pun teruk dah. Kepong, sudahlah terkepong. *[Ketawa]* Kalau dia kata dia tidak ada masa hendak gunting rambut, Tuan Yang di-Pertua kerana hendak pergi

sain, [Ketawa] hendak sain apa? Yang ini Tuan Yang di-Pertua, ini bukan politik. Benda ini jerebu. Katalah kot style baru ikut style Mr. Bean, wallahualam, tetapi [Ketawa] ataupun dia sakit kulit di belakang tengkok, kita tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua bukan, dia doktor, dia tidak berani cerita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pokoknya kita menghadapi bukan setakat kerugian harta benda, mata pencarian macam tadi Yang Berhormat kita kata burung pun tidak boleh take off hendak landing dia tidak nampak. Binatang pun sudah kacau. Jadi, pihak Indonesia ini kena prihatin. Dia jangan dok harap, dia tenteranya ABRI cukup banyak. Kalau dia kerah tentera dia sahaja, Tuan Yang di-Pertua untuk hendak padam api itu boleh selesai dah. Kemudian bila negara-negara asing hendak tolong dia ini, susah sangat! Macam-macam prosedur dia, itu ini. Jadi, apakah matlamatnya menyebabkan kesulitan dan masalah negara-negara jiran hari ini. Jadi, rakyat menanggung penderitaan, ini budak-budak kecil, ada orang yang kena penyakit lelah, Tuan Yang di-Pertua kena jerebu ini, teruk!

Ada yang tidak boleh cari makan, tidak boleh keluar. Kemudian macam nelayan menghadapi masalah dan sebagainya. Macam-macam! Maklumlah Tuan Yang di-Pertua, bila jerebu ini macam-macam - dengan fikiran kita semak. Bila pandangan kita tidak cerah, Tuan Yang di-Pertua, dia semak, semak perut orang Kedah kata. Jadi, dia kelam kabut macam kita duduk dalam gua. Jadi, yang ini bapak pemimpin Indonesia dia kena faham, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukanlah hendak marah.....

Tuan Yunof Edward Maringking: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tuan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Ada diperuntukkan kita tidak boleh menyentuh sesuatu yang boleh menyakitkan hati ataupun meretakkan hubungan antara negara-negara. Kita mengaku hakikat bahawa jerebu ini masalah tetapi jangan kita retakkan keadaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baik. Yang Berhormat, saya tidak nampak ucapan itu membangkitkan perasaan seperti itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta teruskan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, benda ini kena cerita. Takkanlah sampai tidak boleh tegur kalau benda itu tidak betul. Kalau benda tidak betul tidak boleh tegurkah? Kalau Yang Berhormat tidak betul, saya tidak boleh tegurkah Yang Berhormat? Ini kita kena tegur, masalah ini masalah kelam kabut. Yang Berhormat tidak apalah pakai cermin mata. Saya faham peraturan, saya tahu peraturan tetapi hubungan baik kita ada. Tetapi kalau baik pun, suami isteri pun kadang-kadang bertengkar juga. Tegur juga, lepas itu berkiralah selesai apa-apa. [Ketawa] Ini sampai tidak boleh tegur kerana jiran, kacaulah! Jadi, kalau jiran Yang Berhormat bakar sampah di sebelah rumah, kemudian asapnya semua masuk ke dalam rumah kita, kerana jiran, kita kata tidak apalah, jiran jangan tegur. Kita kena tegur dia bakar sampah - jangan bakar banyak-banyak sangat bakar sedikit-sedikit dan sebagainya. Yang baik, baiklah, yang tidak baik kena tegurlah. Saya pun faham peraturan, bukan hendak merenggang.

Jadi saya bukanlah tidak setuju, rakyat Indonesia pun ramai yang mencari makan di sini, kita tidak kacau apa pun. Biar pi lah dia cari makan dan hari ini jerebu, Tuan Yang di-Pertua, rakyat Indonesia sendiri tidak boleh cari makan. Construction site semua kebanyakan berhenti dan sebagainya. Jadi, saya kalau boleh hendak cadang rakyat Indonesia ini yang dok mai cari makan ini, balik pergi padam api dahulu, selepas itu selesai mari kerja balik. [Ketawa] Dah tentera ada, bomba kita pi pun dia tidak beri masuk, jadi susah! Jadi, Tuan Yang di-Pertua, benda ini kalau kita tidak berpakat, dia soalnya hari ini di Indonesia sendiri.

Jadi, maknanya kita kena pi bantu di sana. Alhamdulillah di Malaysia ini kerja Tuhan ini, Tuhan Maha Adil, Dia turunkan hujan, hari ini Kuala Lumpur pun hujan dan sebagainya. Jadi, kalau parti pembangkang dok tuduh, dia katalah - ini dengar di sini parti pembangkang, hak PAS dan DAP - Dengar saya kata ini, dok tuduh Tuhan beri bala semua di sini, sebenarnya Tuhan dok tolong kita ini, Tuhan beri hujan, di Kedah pun hujan - nampak bulan bintang dan sebagainya. PAS pun boleh bersyarah dah belah malam. Yang PAS dok bising ini Tuan Yang di-Pertua, dia tidak boleh bersyarah belah malam - jerebu! [Ketawa] Yang itu sahaja sebabnya. Fasal depa ini jenis bersyarah belah malam!

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita dan negara-negara ASEAN ini kena bantu, kita kena pi tolong Indonesia dan Indonesia kena buat konsep terbuka, terima!

Orang hendak tolong, terima. Jangan beri peraturan-peraturan sehinggakan kita tidak boleh hendak membantu dan menyelesaikan masalah sejagat kita rakan-rakan dan kawan-kawan ini kerana kalau kita biarkan macam ini, masalah!

Kita tengok di Kuala Lumpur sendiri pun kita menghadapi masalah jerebu ini, kita bangun pagi kita merasa tidak ada semangat. Yang ini pun tidak tahulah, saya bukan doktor, hendak tanya Kepong dia pakar kulit sahaja bukan pakar lain. Jadi, kadang-kadang keadaan kita tidak selesa, tidak ceria dan sebagainya disebabkan oleh jerebu.

Dan lagi satu saya minta kementerian ambil tindakan tegas. Saya hendak ucap terima kasih kepada 'Tok Hakim' kita kerana dia telah - hendak keluarkah hendak tanya saya? *[Ahli Yang Berhormat dari Kepong bangun dan berjalan meninggalkan Dewan sambil mengangkat tangan]* Oh, hendak keluar! *[Ketawa]* - kerana 'Tok Hakim' ini telah membuat keputusan memberi priority kepada kes-kes yang melibatkan pencemaran alam sekitar ini. Jadi, ini kita beri terima kasih kepada 'Tok Hakim' yang membuat keputusan mempercepatkan dan kita berharap Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak penguatkuasa lebih mengambil tindakan terutamanya pihak kementerian, dia kena kerja kuat sedikitlah. Menteri di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini kena kerja kuatlah, hendak buat macam mana ya! Keadaan sudah macam ini.

Jadi, jangan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu, ada satu pegawai Timbalan Ketua Setiausaha Kebajikan Masyarakat di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin apa entah! Dia pi ke Kedah, dia beri ceramah kepada pegawai-pegawai ini, dia kata, "Kementerian kami ini dok jaga orang susah sahaja, dok jaga budak-budak buas, dok jaga orang-orang tua dan sebagainya....". Dah itu kementerian dia, dia kena jagalah, dok kompelin apa? Gamak dia berasa tidak boleh pencen! Gamak tidak mahu tukar pergi kementerian lain ataupun pergi Kementerian Pertahananlah. Jadi, kerja kita, kita dok pergi kompelin kat orang pula ini, apa cerita? Saya tidak ada hari itu, kalau saya ada seronoklah. Saya hendak tanya yang tiap-tiap bulan dok terima baucer gaji itu buat apa? Fasal dia di kementerian itu dia kena jaga orang-orang tua. Menteri tidak bersungut walaupun menteri pun bukanlah muda sangat, tidak merungut apa pun, yang dia itu, Timbalan Ketua Setiausaha itu, Datin apa wallahualam, saya tidak ingat nama mengatakan "Kami ini itu dialah, hak budak-budak liar Kementerian Pendidikan pun kami

kena jaga, hak kementerian ini kami kena jaga". Memang tugas dia.

Macam Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini, bagus menteri kita ini, taat - suruh pi Indonesia dia pi *[Ketawa]* Speaker kata tidak usah, dia tidak usah, dia duduk. Mana hendak cari menteri macam itu? Cukup baiklah sungguh, bukan saya hendak puji depan-depan. *[Ketawa]* Baguslah pegawai yang duduk di kementerian menteri ini baguslah, menteri ini pun sabar, kita pun seriau takut dia pun berjerebu sama, habislah kita. *[Ketawa]* Timbalan Menteri pun kena berhenti hisap rokoklah! *[Ketawa]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini, enforcement kena kuatlah fasal kita hari ini ada hak Indonesia pun dok mai. Hak dalam negeri pun dok keluar. Jadi, kita kena buat kerja kuat sedikit. Kalau nampak bakar tidak tentu fasal, pi tahan! Kemudian, belah malam ini Tuan Yang di-Pertua, tidak tahulah yang ini sama ada kerajaan tempatan atau tidak tetapi work site yang dok kerja malam ini kita kena bagi berhenti. Tolong sat kementerian, fasal yang dok buat bangunan-bangunan tinggi apa semua ini kena berhenti belah malam. Fasal apa, bila kerja belah malam, dahlah siang jerebu malam depa buat kerja lagi semak. Jadi, saya minta pihak-pihak kementerian yang ini pun kita kena pastikan bahawa ada masa bekerja. Ini punya hendak cari untung cepat, sampai siang malam dok keluar asap ini tidak kelam kabutkah Kuala Lumpur? Saya pun lemas perut ini sidang Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, sampai bulan Dua Belas. Tak mai, Dewan Rakyat, rakyat calon kita mai dok tang ni, hendak mai jerebu! Saya sesat di Kuala Lumpur sudah tiga kali, Tuan Yang di-Pertua sejak jerebu ini. *[Ketawa]* Hak no entry pun saya masuk - tidak nampak - hendak buat macam mana? Tahu-tahu polis tahan dia kata, "Encik, ini no entry", "Aku tidak nampak, hendak buat macam mana, jerebu!" *[Ketawa]* Jadi, ini masalah juga - sungguh pun!

Dan banyak kanak-kanak berpenyakit, Tuan Yang di-Pertua dan kalau tidak percaya rumah tangga pun kadang-kadang bertengkar juga. Masa balik penat dalam motokar jerebu, sat ini balik rumah anak marah dengan kelam kabut, semak dia mulalah bertengkar. Tidak percaya tanyalah yang suri-suri rumah tangga ini. Yang suami balik lambat kata jerebu pun satu hal juga. *[Ketawa]* Sampai pukul 12.00 malam cari rumah tidak jumpa, jerebu! *[Ketawa]* Jadi, kita kena khabar kepada Kerajaan Indonesia, masalah jerebu ini cukup besar, masalah kebakaran hutan mereka ini cukup-cukup

menyusahkan orang - daripada kanak-kanak sampai dewasa, sampai orang tua, daripada binatang ini, ulat-ulat dan burung-burung dan sebagainya dan kita tengok Tuan Yang di-Pertua, kerana jerebu satu kapal terbang jatuh terhempas di Medan. Fasal seorang kata kiri, seorang kata kanan, belah bukit! Fasal hak khabar tidak nampak kapal terbang dok agak fasal jerebu, hak dalam kapal terbang, pilot tidak nampak kat tower itu, jadi dia ini kata kiri dia itu dengar kanan, kalau kita tengok daripada surat khabar.

Jadi, yang ini Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah. Kita bukan marah Indonesia, ini saya hendak khabar. Saya tidak marah dengan Kerajaan Indonesia. Saya hendak minta Kerajaan Indonesia faham masalah dan kita hendak bantu depa dan depa kena buka tangan untuk menerima setiap bantuan. Bila kita menghadapi kesusahan, orang hendak beri satu duit pun kita terima. Jangan kita dok act. Ini orang hendak beri seduit tidak mahu. Aku susah. Oh, tidak mahu seduit, habis itu hendak berapa?

Dengan keadaan ekonomi kita macam ini, dengan jerebu macam-macam, ini naik kelam kabut, Tuan Yang di-Pertua, tetapi rakyat jangan panik dan saya ingat wakil-wakil rakyat ini termasuk pegawai kerajaan kena mainkan peranan Tuan Yang di-Pertua. Kita beritahu orang kampung tidak ada masalah apa-apa, no problem, semua ini boleh diselesaikan, boleh diatasi, macam di Sarawak pun jangan kelam kabut, hendak kelam kabut apa? Dia sat - sementara sahaja. Jadi, kalau kita panik, macam itulah Perdana Menteri kita kata jangan panik. Duit turun sat tidak apalah, tidak usah belanja dan kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadang supaya kita jangan makan benda-benda importlah. Ini minta maafah Tuan Yang di-Pertua, underwear pun 'made in England', padahal cap 'crocodile' di sini bercambah, pakai bukan orang nampak cap apa pun, tetapi import! [Ketawa] Siapa pun tidak tanya.

Ini saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, kita import daripada Australia - daging, buah-buahan dan sayur-sayuran RM200 juta lebih dan bahan makanan, saya difahamkan, saya tidak boleh khabar kerana ini kerja menteri, saya difahamkan RM8 bilion setahun kita import. Kita gunakan barang-barang tempatan. Kalau kawan-kawan sakit di hospital ini kerana jerebu jangan bawa buah epal, bawa starfruits. [Ketawa] Kalau depa kata starfruits angin, yang buah epal tidak anginkah? Orang mengandung, bersalin depa kata makan pisang tidak boleh, siapa kata tidak boleh? [Ketawa] Kena beri anggur Tuan Yang di-Pertua, anggur tidak ada biji pula itu. Sekilo berapa ringgit?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat hari ini kita menyokong kerajaan, menyokong kepimpinan menentang dan menyelesaikan masalah jerebu. menyelesaikan masalah tekanan ringgit kita supaya kita dapat berdiri, kita kena berdiri megah macam Perdana Menteri kita, dia tidak hairan, kalau George Soros hendak 'act' dia punya fasallah. Amerika hendak 'act' dia punya fasal, kita stand, kita berdiri atas kaki kita, kita kata "Aku rakyat Malaysia, aku bangga". Walaupun tekanan macam mana, walaupun jerebu macam mana, kita bangun bersama-sama untuk mempertahankan maruah negara kita ini. Kita stop, jangan makan dah, coklat-coklat beli untuk anak pun import, samalah coklat, gulakah, beri anak kita makan coklat sini sudah, susu-susu pun gagah makan lembu sendiri. Makan susu lembu luar buat apa, lembu di sini pun kurus kering sedikit tidak apa Tuan Yang di-Pertua, kita pun bukan badan besar macam Orang Putih pun!

Jadi, kita import banyak sangat barang kemudian saya pun berterima kasih kepada Perdana Menteri. Semua menteri kena pakai Proton, Timbalan Menteri pakai Proton, Setiausaha Parlimen pakai Proton, Member of Parliament pakai Proton. [Ketawa] Pakai Proton semua! Exco-exco pakai Proton, pengerusi-pengerusi pun kena pakai Proton - UDakah, FAMakah tukar pakai Proton, barulah kita guna, ini difahamkan Tuan Yang di-Pertua, tidak apa jerebu ini, fasal Mercedes hendak masuk mai lapangan terbang kita Tuan Yang di-Pertua, seribu lebih unit Mercedes hendak digunakan di lapangan terbang yang baru, mana dia Proton kita ini? Kalau kita pi ke Germany Tuan Yang di-Pertua, boleh tengokkah Proton di airport di Germany sana? Taubat tidak adalah. Kita banggallah dengan kereta kita, ambassador-ambassador kita kena tukar pakai Proton semua fasal jerebu pun kurang Tuan Yang di-Pertua, ini masih jerebu lagi ini. Jerebu dia kurang, fasal kita punya sains dan teknologi di Proton ini, ia pandai, asapnya keluar tidak banyak.

Yang ini semua cut cost kerana hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita berperang - berperang dengan dunia yang kejam dari segi ekonomi negara kita tertekan hari ini. Jadi, kita kena pertahankan peperangan ini. Kalau Amerika Syarikat serang Iraq, dia serang Libya dan sebagainya dengan tentera, dia serang kita dengan ekonomi. Jadi, kita kena bangun. Timbalan Menteri Kewangan pun jangan tinggal negara. [Ketawa] Dok ada di Parlimen selalu. Orang hendak tanya pun.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Haji Wan Mahmood: [Bangun]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: La, bangkit lagi?

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Haji Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat, bila hendak pakai Proton? Bila Yang Berhormat hendak tukar kereta dan pakai Proton? Jangan bercakap berdegar-degar, jangan! *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dak, yang dia sakit hati dekat saya, fasal apa? *[Ketawa]* Saya bukan pi kacau kawasan dia pun. Saya sudah pakai Proton, mailah tengok di rumah saya, takkan saya hendak bawa mai sini. Saya dok sana, saya naik keretapi mai. Saya pakai Proton dah, Yang Berhormat. Yang Berhormat, bila hendak pakai? Ha? Dulu saya ingat lagi Presiden PAS kata bila buat Proton, dia kata apa? Ingat, dengar Yang Berhormat ini! Proton - naik gerak boh raga, naik gerak boh raga lama-lama Proton Saga, itu dia kata tu-Presiden PAS! *[Disampuk]* Ha? Gerak? Naik gerak boh raga, gerak itu basikal. Jadi, orang Kedah kata gerak - Naik gerak boh raga, naik gerak boh raga, lama-lama Proton Saga. Itu dia punya hina, Tuan Yang di-Pertua, bila kita hendak buat kereta. La ni, puak ini lebih cepat naik Proton Saga ini. Jadi, kita jangan dok mengata kat orang! Ada lagi hendak tanya? *[Ketawa]* Kalau tidak ada Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuaran.

6.05 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalah jerebu ini adalah masalah yang amat gawat untuk kita tangani oleh kerana puncanya bukanlah di dalam tangan kita tetapi di negara jiran. Namun, kita tidak boleh terlalu ghairah untuk mempersalahkan negara jiran terutama pula kita faham bahawa beberapa syarikat gergasi yang berasal dari negara kita mengaut keuntungan di negara jiran juga dan akibatnya kita yang menderita.

Namun demikian, kita harus menerima hakikat bahawa negara jiran itu telah pun mengakui kesengsaraan yang dialami oleh negara kita sehingga minta ampun dua kali. Jadi, saya rasa dan amat kesal kalau kita ingin mengeruhkan lagi keadaan. Kalau otak kita terlalu terpengaruh dengan jerebu ini, maka mungkin tindakan dan hujah-hujah kita juga akan berjerebu sehingga hubungan luar pula akan bertambah berjerebu. Justeru itu, saya ingin merakamkan di sini bahawa kita menghargai keprihatinan Kerajaan Indonesia di dalam menangani masalah ini dan saya menyokong penuh usul yang dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin menambah satu daripada ketetapan yang kita ambil iaitu agar Kerajaan Malaysia meminta Kerajaan Indonesia memastikan supaya jerebu ini tidak akan berulang lagi dan terutama pula sepanjang Sukan Komanwel diadakan di negara kita pada tahun hadapan. Ini hendaklah dijadikan sebagai ketetapan yang diambil oleh Dewan ini sebagai ketetapan yang ke-6.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting oleh kerana negara kita telah pun membelanjakan ratusan juta wang rakyat untuk menjayakan Sukan Komanwel dan di samping itu tujuan kita mengadakan Sukan Komanwel itu adalah untuk menarik para pelancong datang ke negara kita dan sudah tentu dengan keadaan jerebu yang mungkin berlaku pada tahun hadapan sekali lagi negara bukan sahaja kerugian dari segi kewangan tetapi juga dari segi kehilangan imej kalau Sukan Komanwel ini gagal disebabkan oleh masalah jerebu. Oleh yang demikian, saya harap pihak Kerajaan Indonesia akan prihatin tentang 'concern' Kerajaan Malaysia mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak perkara yang telah diperkatakan mengenai masalah jerebu ini. Saya rasa kita tidak perlu persoalkan apakah akibat jerebu ini kepada kesihatan. Memadailah kalau kita memandang sepintas lalu kesannya terhadap alam sekitar, ekonomi dan juga keselamatan dan ketenteraman awam. Cukup gawat untuk kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kesannya tidak perlu dipersoalkan lagi. Masalah yang kita perlu pertimbangkan ialah bagaimanakah kita boleh mengatasi masalah ini supaya jangan berulang lagi ataupun jangan pula bertambah teruk. Saya telah katakan tadi iaitu sebahagian besar daripada masalah ini adalah disumbangkan oleh rakyat Malaysia sendiri yang mengaut keuntungan di negara Indonesia. Saya bukanlah bertujuan untuk mempertahankan keadaan di negara Indonesia tetapi kita harus menerima hakikat bahawa rakyat kita juga bertanggungjawab dalam hal ini. Adakah memadai kalau mereka yang mengaut keuntungan kembali ke negara kita dan mengatakan kita derma sekian banyak tetapi kembali ke negara Indonesia dan meneruskan aktiviti mereka. Kemudian kita mempersalahkan negara jiran. Saya rasa itu adalah satu perkara yang tidak perlu disuarakan oleh kerana ianya suara yang sumbang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini haruslah ditangani dengan semasak-masaknya. Saya sudah katakan bahawa ini perkara yang amat rumit, oleh kerana ini melibatkan hubungan luar. Kita mahu

mengekalkan hubungan yang baik di antara negara Malaysia, bahkan semua negara rantau ASEAN dan juga antarabangsa. Masalah jerebu ini adalah bukan setakat masalah Asia Tenggara tetapi sudah meliputi masalah antarabangsa. Kita tahu bahawa negara kita telah menghadiri satu pertemuan membincang masalah alam sekitar di Rio de Janeiro beberapa tahun yang lalu. Saya ingin bertanya apakah sudah jadi dengan ketetapan-ketetapan yang telah diambil di dalam mesyuarat itu, apakah follow-up, dengan izin, oleh Kerajaan Malaysia untuk memastikan bahawa semua negara, tidak kira di mana akan mematuhi semua ketetapan itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang amat penting yang kita perlu ambil perhatian di sini ialah bagaimana hendak mengatasi masalah ini. Kita harus menerima hakikat bahawa Tuhan telah berkata bahawa kita dilahir di dunia ini untuk terus hidup haruslah menerokai bumi. Kita tidak dapat elakkan itu semua, kalau kita tidak mahu menerokai bumi, bagaimana kita hendak makan, inilah kegawatan masalah jerebu ini. Kita perlu mengambil perhatian terhadap petani-petani kecil di negara kita yang mungkin juga menyumbangkan ke arah masalah jerebu ini. Jadi, saya ingin menyarankan di sini supaya pihak kementerian akan mencadangkan kepada masyarakat ataupun kerajaan-kerajaan antarabangsa untuk menubuhkan satu tabung penyelidikan bagaimanakah kita boleh memperbanyakkan makanan dan hasil pertanian agar pembakaran secara terbuka tidak akan berterusan secara berleluasa. Inilah masalahnya, kita mahu membuka seberapa luas tanah untuk ditanam kelapa sawit tetapi akhirnya kita juga yang menderita. Persoalannya apakah penyelidikan yang telah diambil supaya pembakaran itu tidak menjadi bertambah buruk, bukan sahaja di Indonesia, di Malaysia, bahkan di rantau Asia Pasifik, misalnya di Papua New Guinea yang mana kita faham banyak rakyat Malaysia juga membakar di situ dan juga di Australia, banyak rakyat Malaysia yang kita faham membuka tanah di situ untuk perladangan. Jadi, apakah sumbangan kita ke arah untuk penyelidikan ini? Saya.....

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Tuan Yunof Edward Maringking: Apa pula ini Teluk Intan bangun? [Ketawa]

Seorang Ahli: Itu kawan, kawan.

Tuan M. Kulasegaran: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya jerebu ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat ini bukan sahaja disebabkan oleh negara jiran tetapi oleh kerana kerajaan juga telah cuai kerana tidak mengimplementasikan 'clean

air policy' dalam negara ini dan ia telah menyumbangkan lebih kurang 30% sekurang-kurangnya perkara yang telah terjadi sekarang dan jerebu ini dapat dielakkan setakat sekurang-kurangnya 30% jika kerajaan telah mengimplementasikan polisi ini lebih tiga tahun dan bukannya kerajaan patut menerima hakikat ini dan membuat satu penggubalan undang-undang supaya satu perkara yang tegas dapat diambil. Terima kasih.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tidak setuju.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Teluk Intan. Saya rasa masalah jerebu ini memang perlu ditangani oleh semua rakyat dan saya menerima hakikat bahawa kerajaan mempunyai tanggungjawab dan undang-undang juga perlu diperketatkan tetapi harus kita ingat bahawa kerajaan sahaja tidak mungkin dapat menangani segala masalah yang ada di muka bumi kita ini dan undang-undang juga tidak tetapi memang yang bertanggungjawab adalah kerajaan dan saya rasa kerajaan perlu juga mempertingkatkan penguatkuasaan tetapi saya kembali, Tuan Yang di-Pertua, tentang pertanian.

Kita harus menerima hakikat bahawa negara kita adalah negara pertanian dan kemungkinan besar kita terpaksa juga membuka lebih banyak, lebih luas lagi kawasan tanah untuk pertanian. Ini perlu oleh kerana baru kelmarin, Yang Berhormat Menteri Pertanian telah mengatakan bahawa keperluan makanan kita kian bertambah dan mengimportnya akan memburukkan keadaan pengurangan defisit kita. Jadi, inilah semuanya masalah yang merumitkan lagi perkara ini. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya sama-sama terutama di peringkat ASEAN untuk mencari jalan.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Batang Lupar.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya rasa dia sudah berucap panjang, jadi minta maaf Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Apa Yang Berhormat takut, sini soalan yang you belajar sama saya di universiti dahulu hendak tanya ini, soalan ekonomi.

Tuan Yunof Edward Maringking: Kenapa tidak ucap sendiri tadi? [Ketawa]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini [*Ketawa*] duduklah sekejap.

Tuan Michael Lisa Kaya: Bagus, beri chance.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: I refresh your memory, dengan izin, Yang Berhormat. Dulu kita sama belajar economic history, zaman Agriculture Revolution di England. Lepas itu later on, Agriculture Revolution ini nampak tidak viable dan kebelakangan ini saya membaca buku menunjukkan the wastage by the American Government yang mana pengeluaran barang makanan Amerika supaya barang makanan dikeluarkan itu lebih competitive dan mendatangkan hasil kepada pembeli. Kerajaan membuat subsidi yang begitu banyak sekali, bahkan kerajaan berpendapat lebih murah membeli barang makanan daripada memberi subsidi dan membuat, mengeluarkan makanan itu di Amerika itu sendiri. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat soalan kita bertanam lebih banyak barang makanan dan mengeluarkan pula duit untuk subsidi. Kalau tidak petani-petani tidak boleh hidup. Jadi, dalam pandangan sejarah menunjukkan di England dan berlaku di Amerika sekarang yang penanaman makanan di negara itu sendiri, apabila kos pengeluaran itu lebih tinggi, tidak menjadi economical lagi, jadi macam mana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yunof Edward Marinking: Terima kasih, Batang Lupar. Saya rasa kita jumpa lebih daripada sepuluh tahun yang lalu dan mungkin Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, dia tidak follow keadaan semasa. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di Amerika para petani dibayar untuk tidak mengusahakan tanah pertanian. Dibayar supaya tidak mengeluarkan, jadi inilah yang saya minta kementerian supaya cubalah menghubungi Kerajaan Amerika, bolehkah kita memperbanyakkan pengeluaran di Amerika dan kita import ke sini supaya kita tidak perlu membuka tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini satu perkara yang remeh.....

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Tuan Yunof Edward Marinking: Ini kawan lagi, berilah dia. [*Ketawa*]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan

daripada kawan saya dari Tuaran. Beliau nampaknya begitu menyokong penuh usaha untuk menghalang jerebu ini tetapi apakah resolusi parti Yang Berhormat mengenai dengan jerebu ini kerana pada persidangan PBS baru-baru ini, menghalang jerebu tidak dimasukkan dalam agenda parti PBS masa persidangan. Sepatutnya kalau ini satu perkara yang penting dimasukkan salah satu agenda di dalam perbincangan di parti tersebut. Lepas itu di kawasan pedalaman Sabah kebanyakan pertanian pindah yang kebanyakannya kawasan-kawasan ADUNnya adalah daripada parti PBS. Jadi, apakah tindakan daripada pihak Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri ini sama ada telah pun membuat ceramah ataupun seruan kepada rakyat di kawasan tersebut supaya tidak membuat pembakaran terbuka ataupun menggalakkan mereka ini membuat pertanian tanpa membuat pembakaran untuk menghalang adanya asap keluar daripada kawasan tersebut kerana salah satu yang kita hendak capai ialah supaya mengurangkan pembakaran dan juga menghalang daripadanya timbul asap ataupun jerebu di kawasan tersebut? Terima kasih.

Tuan Yunof Edward Marinking: Terima kasih, Yang Berhormat dari Sipitang. Mengenai soal sama ada PBS sungguh-sungguh untuk menyokong untuk menangani jerebu ini, saya rasa tidak timbul oleh kerana ini masalah bukannya senang. Ahli dari Santubong tadi telah mengatakan bahawa apa yang kita boleh buat, kita mahu buka suara [*guruh berbunyi*] macam guruh inilah, kita tidak boleh tahan guruh ini datang, kita tidak boleh tahan juga. [*Ketawa*] Jerebu ini macam ini, tidak ada orang yang boleh buat, kita hantar [*Disampuk*] 1,000 orang ahli bomba ke Indonesia, apa yang telah dilakukan? Cuma buang duit, buang masa sahaja. Yang penting sama-sama kita membuat perhitungan, beri sumbangan kepada pihak kementerian kalau ada idea-idea yang munasabah, jangan kita mem'politicise'kan perkara ini.

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Marinking: Ini menteri lagi pulak. [*Ketawa*]

Tuan Michael Lisa Kaya: Jangan takut.

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mempertikaikan kenyataan Yang Berhormat tadi. Ahli-ahli bomba kita seramai 1,240 orang pergi ke Indonesia bertungkus lumus menggadai nyawa untuk

memadam api tetapi dia kata buang masa sahaja tadi. Jadi, saya harap bila kita hendak bercakap kita fikir baik-baik. Mereka menggadai nyawa cuba memadamkan api. *[Sorak]*

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Yang Berhormat. Minta maaf kalau ada yang tersinggung. Maksud saya tidak dapat buat apa-apa ialah dapatkah kita sebenarnya menangani punca masalah ini, itu yang saya maksudkan, bukan saya bermaksud untuk melukai hati mereka yang telah berkorban menggadai nyawa. Kita menghargai pengorbanan mereka, Yang Berhormat. *[Disampuk]* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan masalah rakyat di Sabah yang dikatakan oleh Ahli dari Sipitang, memang kita akui, itulah saya katakan dari awal-awal tadi di mana masalah jerebu ini amat gawat untuk ditangani. Ini kerana kehidupan masyarakat di negara kita dan justeru itu kita perlu berhati-hati. Kalau kita tidak berhati-hati mungkin banyak rakyat yang menderita, bukan akibat daripada jerebu itu sendiri tetapi menderita akibat kebuluran. Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar ada kata tadi, kalau kita beli makanan itu dengan mengeluarkan wang kita boleh mengatasi masalah, saya rasa ini satu pandangan yang sempit...

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya sudah beri peluang tadi. Saya beri penjelasan. Oleh kerana kita ambil contoh di Korea Utara, dia cukup dengan teknologi, angkuh, sedia untuk berperang dengan jiran tetapi bagaimana dia tidak tangani masalah makanan di negara dia? Jadi, inilah masalah yang kita harus mengambil perhatian. Saya tidak faham kenapa seorang Menteri Pertanian yang berasal dari Sarawak sungguh prihatin tentang masalah mengimport barang makanan untuk negara kita tetapi Ahli dari Batang Lupar pula berkata mesti kita import lebih banyak. Mungkin.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Mungkin dia.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Janganlah! You twisting everything I said, come on, sit down man! *[Ketawa]*

Tuan Yunof Edward Maringking: Jadi, saya rasa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau Tanjong, saya terima you tetapi you dari PBS ada kredibiliti sedikitlah. Come on, order Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ya, apa dia?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, perbetulkan. Saya tanya teori hal ekonomi pengeluaran makanan, itu yang saya tanya, bukan kata saya hendak beli semua barang makanan. Come on, don't twist the fact....

Tuan Yunof Edward Maringking: Ini bukan point of order, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Jadi, dia tidak, dia cuma curi masa. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh daripada Korea Utara tadi oleh kerana inilah masalah tentang jerebu ini. Punca daripada jerebu ini adalah pembukaan tanah untuk pertanian, baik apa jenis tanaman pun tetapi kita tidak boleh juga keterlaluan di dalam pembukaan tanah ini, kita ada keseimbangan tetapi masalahnya bagaimanakah kita mahu memperbanyakkan hasil pertanian tanpa menjejaskan alam sekitar. Jadi, inilah yang saya ingin sarankan kepada pihak kementerian supaya membuat saranan kepada kerajaan-kerajaan antarabangsa supaya sama-sama menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pengorbanan negara kita sehingga Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa lebih seribu orang ahli bomba kita telah pergi ke Indonesia untuk membantu. Kita memang sungguh terharu dengan pengorbanan mereka itu dan kita menghargai itu sebagai satu sumbangan mereka, bukan sahaja negara kita tetapi kepada

masyarakat antarabangsa. Itu kita akui, itulah sebabnya saya katakan tadi kalau ada yang tersinggung saya telah meminta maaf kepada pihak kementerian dan juga mereka yang telah menggadai nyawa.

Jadi, di dalam konteks ini saya ingin menyarankan kepada pihak kerajaan meminta Kerajaan Indonesia dengan secara diplomasi agar mereka menanggung semua perbelanjaan yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia untuk menyumbang tenaga para pencegah kebakaran ini dan saya harap pihak kementerian Yang Berhormat akan membuat saranan ini kepada pihak Kementerian Luar Negeri untuk disampaikan kepada Kerajaan Indonesia.

Oleh kerana tujuan kita untuk menghantar kakitangan bomba ini bukanlah untuk mencerooboh tetapi dengan niat yang ikhlas untuk membantu pihak Kerajaan Indonesia dan itulah sebabnya kita mahu supaya pihak Kerajaan Indonesia untuk mempertimbangkan perbelanjaan yang kita terpaksa

bayar kepada kakitangan bomba yang pergi ke Indonesia untuk menangani masalah ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin sarankan di sini ialah mengenai undang-undang tentang pencegahan jerebu ini. Kelmarin Ahli dari Machang berkata kita tidak boleh buat apa-apa terhadap mereka yang melakukan aktiviti.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta sambung esok. Masa telah habis.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang